

**Jilid IV
No. 31**



**Hari Juma'at
9hb Februari, 1968**

**PERBAHATHAN
PARLIMEN
DEWAN RA'AYAT YANG KEDUA
PENGKAL KEEMPAT
PENYATA RASMI**

KANDONGAN-NYA

**JAWAPAN² MULUT BAGI PERTANYAAN² [Ruangan
4845]**


RANG UNDANG²:

Rang Undang² Perbekalan, 1968—

Jawatan-kuasa Perbekalan (Hari Yang Kelima)—

Kepala B. 13 [Ruangan 4870]

Kepala² B. 14 dan 15 [Ruangan 4894]



MALAYSIA

DEWAN RA'AYAT YANG KEDUA

PENGGAL YANG KEEMPAT

Penyata Rasmi

Hari Juma'at, 9hb Februari, 1968

Persidangan bermula pada pukul 10.00 pagi

YANG HADHIR:

- Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, DATO' CHIK MOHAMED YUSUF BIN SHEIKH ABDUL RAHMAN, S.P.M.P., J.P., Dato' Bendahara, Perak.
- „ Menteri Pengangkutan, Yang Berbahagia TAN SRI HAJI SARDON BIN HAJI JUBIR, P.M.N. (Pontian Utara).
- „ Menteri Kesihatan, TUAN BAHAMAN BIN SAMSUDIN (Kuala Pilah).
- „ Menteri Perdagangan dan Perusahaan, DR LIM SWEE AUN, J.P. (Larut Selatan).
- „ Menteri Hal Ehwal Tanah dan Galian dan Menteri Ke'adilan, DATO' HAJI ABDUL-RAHMAN BIN YA'KUB (Sarawak).
- „ Menteri Muda Kebudayaan, Belia dan Sokan, ENSKU MUHSEIN BIN ABDUL KADIR, J.M.N., D.P.M.T., P.J.K. (Trengganu Tengah).
- „ Menteri Muda Pelajaran, TUAN LEE SIOK YEW, A.M.N., P.J.K. (Sepang).
- „ Menteri Muda Kewangan, DR NG KAM POH, J.P. (Teluk Anson).
- „ Menteri Muda Hal Ehwal Dalam Negeri, TUAN HAMZAH BIN DATO' ABU SAMAH (Raub).
- „ Setia-usaha Parlimen kapada Menteri Buroh, TUAN LEE SAN CHOON, K.M.N. (Segamat Selatan).
- „ Setia-usaha Parlimen kapada Timbalan Perdana Menteri, TUAN CHEN WING SUM (Damansara).
- „ NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT (Kelantan Hilir).
- „ TUAN HAJI ABDUL GHANI BIN ISHAK, A.M.N. (Melaka Utara).
- „ TUAN ABDUL KARIM BIN ABU, A.M.N. (Melaka Selatan).
- „ WAN ABDUL KADIR BIN ISMAIL, P.P.T. (Kuala Trengganu Utara).
- „ WAN ABDUL RAHMAN BIN DATU TUANKU BUJANG, A.B.S. (Sarawak).
- „ Y.A.M. TUNKU ABDULLAH IBNI AL-MARHUM TUANKU ABDUL RAHMAN, P.P.T. (Rawang).
- „ TUAN HAJI ABDULLAH BIN HAJI MOHD. SALLEH, A.M.N., S.M.J., P.I.S. (Segamat Utara).
- „ TUAN HAJI ABU BAKAR BIN HAMZAH, J.P. (Bachok).
- „ TUAN AHMAD BIN ARSHAD, A.M.N. (Muar Utara).
- „ TUAN HAJI AHMAD BIN SA'AID, J.P. (Seberang Utara).

- Yang Berhormat **TUAN RAFAEL ANCHETA, A.M.N. (Sabah).**
- „ **TUAN JONATHAN BANGAU ANAK RENANG, A.B.S. (Sarawak).**
- „ **PENGARAH BANYANG ANAK JANTING, P.B.S. (Sarawak).**
- „ **TUAN CHAN CHONG WEN, A.M.N. (Kluang Selatan).**
- „ **TUAN CHAN SEONG YOON (Setapak).**
- „ **TUAN CHAN SIANG SUN, A.M.N., P.J.K. (Bentong).**
- „ **TUAN CHEW BIOW CHUON, J.P. (Bruas).**
- „ **TUAN CHIA CHIN SHIN, A.B.S. (Sarawak).**
- „ **TUAN CHIN FOON (Ulu Kinta).**
- „ **TUAN D. A. DAGO ANAK RANDAN *alias* DAGOK ANAK RANDEN, A.M.N. (Sarawak).**
- „ **TUAN EDWIN ANAK TANGKUN (Sarawak).**
- „ **DATIN HAJJAH FATIMAH BINTI HAJI ABDUL MAJID (Johor Bahru Timor).**
- Yang Berbahagia **TAN SRI FATIMAH BINTI HAJI HASHIM, P.M.N. (Jitra-Padang Terap).**
- Yang Berhormat **TUAN S. FAZUL RAHMAN, A.D.K. (Sabah).**
- „ **TUAN GANING BIN JANGKAT (Sabah).**
- „ **TUAN HAJI HAMZAH BIN ALANG, A.M.N., P.J.K. (Kapar).**
- „ **TUAN HANAFI BIN MOHD. YUNUS, A.M.N., J.P. (Kulim Utara).**
- „ **TUAN HARUN BIN ABDULLAH, A.M.N., J.P. (Baling).**
- „ **WAN HASSAN BIN WAN DAUD (Tumpat).**
- „ **TUAN STANLEY HO NGUN KHIU, A.D.K. (Sabah).**
- „ **TUAN HUSSEIN BIN SULAIMAN (Ulu Kelantan).**
- „ **TUAN HAJI HUSSAIN RAHIMI BIN HAJI SAMAN, S.M.K. (Kota Bharu Hulu).**
- „ **TUAN ISMAIL BIN IDRIS (Pulau Pinang Selatan).**
- Yang Berbahagia **TAN SRI SYED JA'AFAR BIN HASAN ALBAR, P.M.N. (Johor Tenggara).**
- Yang Berhormat **PENGHULU JINGGUT ANAK ATTAN, K.M.N., Q.M.C., A.B.S. (Sarawak).**
- „ **TUAN KAM WOON WAH, J.P. (Sitiawan).**
- „ **TUAN THOMAS KANA, K.M.N. (Sarawak).**
- „ **TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA (Sarawak).**
- „ **TUAN LEE SECK FUN, K.M.N. (Tanjong Malim).**
- „ **DR LIM CHONG EU (Tanjong).**
- „ **TUAN LIM PEE HUNG, P.J.K. (Alor Star).**
- „ **DATO' LING BENG SIEW, P.N.B.S. (Sarawak).**
- „ **DR MAHATHIR BIN MOHAMAD (Kota Star Selatan).**
- „ **TUAN T. MAHIMA SINGH, J.M.N., J.P. (Port Dickson).**
- „ **TUAN C. JOHN ONDU MAJAKIL (Sabah).**
- „ **TUAN MOHD. ARIF SALLEH, A.D.K. (Sabah).**
- „ **DATO' MOHAMED ASRI BIN HAJI MUDA, S.P.M.K. (Pasar Puteh).**
- „ **TUAN MOHD. DAUD BIN ABDUL SAMAD (Besut).**
- „ **TUAN MOHAMED IDRIS BIN MATSIL, J.M.N., P.J.K., J.P. (Jejebu-Jempol).**

- Yang Berhormat **TUAN MOHD. TAHIR BIN ABDUL MAJID, S.M.S., P.J.K.**
(Kuala Langat).
- „ **TUAN MOHD. ZAHIR BIN HAJI ISMAIL, J.M.N. (Sungai Petani).**
- „ **WAN MOKHTAR BIN AHMAD (Kemaman).**
- „ **TUAN HAJI MOKHTAR BIN HAJI ISMAIL (Perlis Selatan).**
- „ **TUAN MUHAMMAD FAKHRUDDIN BIN HAJI ABDULLAH**
(Pasir Mas Hilir).
- „ **TUAN HAJI MUHAMMAD SU'AUT BIN HAJI MUHD. TAHIR,**
A.B.S. (Sarawak).
- „ **DATO' HAJI MUSTAPHA BIN HAJI ABDUL JABAR, D.P.M.S., A.M.N.,**
J.P. (Sabak Bernam).
- „ **TUAN MUSTAPHA BIN AHMAD (Tanah Merah).**
- „ **TUAN NG FAH YAM (Batu Gajah).**
- „ **TUAN HAJI OTHMAN BIN ABDULLAH (Hilir Perak).**
- „ **TUAN OTHMAN BIN ABDULLAH, A.M.N. (Perlis Utara).**
- „ **TUAN QUEK KAI DONG, J.P. (Seremban Timor).**
- „ **TUAN RAMLI BIN OMAR (Krian Darat).**
- „ **TUAN HAJI REDZA BIN HAJI MOHD. SAID, P.J.K., J.P.**
(Rembau-Tampin).
- „ **RAJA ROME BIN RAJA MA'AMOR, P.J.K., J.P. (Kuala Selangor).**
- „ **TUAN SEAH TENG NGIAB, S.M.J., P.I.S. (Muar Pantai).**
- „ **TUAN SIOW LOONG HIN, P.J.K. (Seremban Barat).**
- „ **TUAN SENAWI BIN ISMAIL, P.J.K. (Seberang Selatan).**
- „ **TUAN SNG CHIN JOO (Sarawak).**
- „ **TUAN SOH AH TECK (Batu Pahat).**
- „ **TUAN HAJI SULEIMAN BIN ALI (Dungun).**
- „ **TUAN SULEIMAN BIN HAJI TAIB (Krian Laut).**
- „ **TUAN TAJUDIN BIN ALI, P.J.K. (Larut Utara).**
- „ **TUAN TAI KUAN YANG, A.M.N. (Kulim Bandar Bharu).**
- „ **TUAN TAMA WENG TINGGANG WAN (Sarawak).**
- „ **DR TAN CHEE KHOON (Batu).**
- „ **TUAN TAN CHENG BEE, A.M.N., J.P. (Bagan).**
- „ **TUAN TAN KEE GAK (Bandar Melaka).**
- „ **TUAN TAN TOH HONG (Bukit Bintang).**
- „ **TUAN TAN TSAK YU (Sarawak).**
- „ **TUAN TIAH ENG BEE (Kluang Utara).**
- „ **TUAN YEH PAO TZE, A.M.N. (Sabah).**
- „ **TENGGU ZAID BIN TENGGU AHMAD (Pasir Mas Hulu).**
- „ **TUAN HAJI ZAKARIA BIN HAJI MOHD. TAIB, P.J.K. (Langat).**

YANG TIADA HADHIR:

- Yang Berhormat **Perdana Menteri dan Menteri Hal Ehwal Luar Negeri, Y.T.M.**
TUNKU ABDUL RAHMAN PUTRA AL-HAJ, K.O.M. (Kuala Kedah).
- „ **Timbalan Perdana Menteri, Menteri Pertahanan, Menteri Hal**
Ehwal Dalam Negeri dan Menteri Pembangunan Negara dan
Luar Bandar, Y.A.B. TUN HAJI ABDUL RAZAK BIN DATO'
HUSSAIN, S.M.N. (Pekan).

Yang Berhormat Menteri Kewangan, Y.A.B. TUN TAN SIEW SIN, S.S.M., J.P.
(Melaka Tengah).

„ Menteri Kerja Raya, Pos dan Talikom,
Y.A.B. TUN V. T. SAMBANTHAN, S.S.M., P.M.N. (Sungai Siput).

„ Menteri Pelajaran, TUAN MOHAMED KHIR JOHARI
(Kedah Tengah).

„ Menteri Kebajikan 'Am, TUAN HAJI ABDUL HAMID KHAN BIN
HAJI SAKHAWAT ALI KHAN, J.M.N., J.P. (Batang Padang).

„ Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan,
TUAN KHAW KAI-BOH, P.J.K. (Ulu Selangor).

„ Menteri Hal Ehwal Sarawak, Yang Berbahagia TAN SRI
TEMENGGONG JUGAH ANAK BARIENG, P.M.N., P.D.K. (Sarawak).

„ Menteri Buroh, TUAN V. MANICKAVASAGAM, J.M.N., P.J.K.
(Kelang).

„ Menteri Penerangan dan Penyiaran dan Menteri Kebudayaan,
Belia dan Sokan, TUAN SENU BIN ABDUL RAHMAN
(Kubang Pasu Barat).

„ Menteri Pertanian dan Sharikat Kerjasama, TUAN HAJI
MOHD. GHAZALI BIN HAJI JAWI (Ulu Perak).

„ Menteri Muda Ta' Berjabatan, TUAN HAJI ABDUL KHALID
BIN AWANG OSMAN (Kota Star Utara).

„ Menteri Muda Pembangunan Negara dan Luar Bandar,
TUAN SULAIMAN BIN BULON, P.J.K. (Bagan Datoh).

„ Setia-usaha Parlimen kepada Menteri Kesihatan,
TUAN IBRAHIM BIN ABDUL RAHMAN, J.M.N. (Seberang Tengah).

„ Setia-usaha Parlimen kepada Menteri Kewangan,
TUAN ALI BIN HAJI AHMAD (Pontian Selatan).

„ TUAN ABDUL RAHMAN BIN HAJI TALIB, P.J.K. (Kuantan).

„ TUAN HAJI ABDUL RASHID BIN HAJI JAIS (Sabah).

„ TUAN ABDUL RAZAK BIN HAJI HUSSIN (Lipis).

„ TUAN ABDUL TAIB BIN MAHMUD (Sarawak).

„ DATO' ABDULLAH BIN ABDULRAHMAN, S.M.T., Dato' Bijaya
di-Raja (Kuala Trengganu Selatan).

„ PUAN AJIBAH BINTI ABOL (Sarawak).

„ WAN ALWI BIN TUANKU IBRAHIM (Sarawak).

„ DR AWANG BIN HASSAN, S.M.J. (Muar Selatan).

„ TUAN AZIZ BIN ISHAK (Muar Dalam).

„ TUAN FRANCIS CHIA NYUK TONG (Sabah).

„ TUAN C. V. DEVAN NAIR (Bungsar).

„ TUAN SYED ESA BIN ALWEE, J.M.N., S.M.J., P.I.S.
(Batu Pahat Dalam).

„ DATO' GANIE GILONG, P.D.K., J.P. (Sabah).

„ TUAN GEH CHONG KEAT, K.M.N. (Pulau Pinang Utara).

„ TUAN HANAFIAH BIN HUSSAIN, A.M.N. (Jerai).

„ DATO' HAJI HUSSEIN BIN MOHD. NOORDIN, D.P.M.P., A.M.N.,
P.J.K. (Parit).

Yang Amat Berbahagia TUN DR ISMAIL BIN DATO' HAJI ABDUL RAHMAN,
S.S.M., P.M.N. (Johor Timor).

Yang Berhormat TUAN KADAM ANAK KIAI (Sarawak).

- Yang Berhormat TUN KHOO PENG LOONG (Sarawak).
- .. TUN AMADEUS MATHEW LEONG, A.D.K., J.P. (Sabah).
- .. TUN LIM KEAN SIEW (Dato Kramat).
- .. TUN PETER LO SU YIN (Sabah).
- .. TUN JOSEPH DAVID MANJAJI (Sabah).
- .. DATO' DR HAJI MEGAT KHAS, D.P.M.P., J.P., P.J.K. (Kuala Kangsar).
- .. ORANG TUA MOHAMMAD DARA BIN LANGPAD (Sabah).
- .. TUN HAJI MOHAMED YUSOF BIN MAHMUD, A.M.N. (Temerloh).
- Yang Amat Berbahagia TUN DATU MUSTAPHA BIN DATU HARUN, S.M.N., P.D.K. (Sabah).
- Yang Berbahagia TAN SRI NIK AHMAD KAMIL, D.K., S.P.M.K., S.J.M.K., P.M.N., P.Y.G.P., Dato' Sri Setia Raja (Kota Bharu Hilir).
- Yang Berhormat TUN ONG KEE HUI (Sarawak).
- .. TUN HAJI RAHMAT BIN HAJI DAUD, A.M.N. (Johor Bahru Barat).
- .. TUN D. R. SEENIVASAGAM (Ipoh).
- .. DATO' S. P. SEENIVASAGAM, D.P.M.P., P.M.P., J.P. (Menglembu).
- .. TUN SIM BOON LIANG, A.B.S. (Sarawak).
- .. PENGIRAN TAHIR PETRA (Sabah).
- .. TUN TOH THEAM HOCK (Kampar).
- .. TUN STEPHEN YONG KUET TZE (Sarawak).

DO'A

Tuan Yang di-Pertua (*mempengerusikan Meshuarat*)

JAWAPAN² MULUT BAGI PERTANYAAN²

MENTERI BUMIPUTRA DALAM KABINET SARAWAK TERHADAP KEADAAN ORANG DAYAK

1. Tuan Edwin anak Tangkun Sarawak) bertanya kepada Perdana Menteri dapat-kah beliau membuat kenyataan menafikan tuduhan sa-orang Menteri Persekutuan bagi Hal-Ehwal Sarawak yang mengatakan bahawa dua orang Menteri Bumiputra dari Kabinet Negeri Sarawak tidak mengambil indah langsung tentang keadaan orang² Dayak.

Menteri Muda Kebudayaan, Beliau dan Sokan (Engku Muhsein bin Abdul Kadir): Tuan Yang di-Pertua, soalan ini ia-lah perkara dalam negeri Sarawak dan saya faham bahawa perkara ini telah selesai dengan memberi puas hati kepada semua pihak yang ber-

kenaan, dan sebab itu, saya fikir tidak-lah mustahak perkara ini di-beri kenyataan yang lebih lanjut lagi.

Dr Tan Chee Khoon (Batu) (*dengan izin*): Mr Speaker, Sir, the fact that one of the Ministers mentioned in this question has resigned from the Cabinet of the Sarawak Government, does it not then prove that one at least of the Ministers in the Sarawak State Cabinet has neglected the welfare of the Dayaks?

Engku Muhsein bin Abdul Kadir: Tuan Yang di-Pertua, dalam soalan ini ta' menyebut pun soalan Minister ada resign atau pun tidak ada resign, dan tidak menyebut mana² nama Minister pun, dan perkara ini ia-lah perkara negeri Sarawak dan tidak ada kena-mengena dengan Minister ini.

Tuan Edmund Langgu anak Saga (Sarawak): Mr Speaker, Sir, I would like to know whether this allegation was a personal allegation of the Honourable Federal Minister for Sarawak Affairs or did it represent the view of the Central Cabinet?

Engku Muhsein bin Abdul Kadir: Tuan Yang di-Pertua, can he repeat it again?

Tuan Yang di-Pertua: Chakap Melayu-lah!

Tuan Edmund Langgu anak Saga (*dengan izin*): I would like to know whether the allegation was a personal allegation of the Honourable the Federal Minister for Sarawak Affairs, or did it represent the view of the Central Cabinet?

Menteri Hal Ehwal Tanah dan Galian dan Menteri Ke'adilan (Dato' Haji Abdul-Rahman bin Ya'kub) (*dengan izin*): Mr Speaker, Sir, may I answer this question for my Honourable friend here? It does not represent either the view of the Central Government or the personal view of the Honourable Minister for Sarawak Affairs. He has been very much misquoted in the Press about what he said in Kapit that led to this question by the Honourable Member.

PENGKAJIAN SA-MULA PERJANJIAN² DI-ANTARA KERAJAAN MALAYSIA DENGAN KERAJAAN BRITISH

2. Tuan Ahmad bin Arshad (Muar Utara) bertanya kepada Menteri Luar Negeri, memandangkan kepada beberapa tindakan yang bertentangan dengan Malaysia yang di-ambil oleh Kerajaan British, dalam mana langkah² yang terbaharu ia-lah menjatuhkan nilai wang sterling dan menurunkan harga getah, terangkan ada-kah Kerajaan berchadang mengkaji sa-mula perjanjian²-nya dengan Kerajaan British terutama sa-kali dalam bidang perniagaan dan pertahanan; jika tidak, adakah Kerajaan berkeyakinan penoh bahawa Kerajaan British yang dipimpin oleh Parti Buroh sekarang ini sa-benar-nya sa-buah Kerajaan yang mempunyai niat² yang jujur dan ikhlas terhadap Malaysia.

Engku Muhsein bin Abdul Kadir: Tuan Yang di-Pertua, Malaysia telah mempunyai perhubungan perdagangan

dengan British daripada semenjak beberapa lama dahulu dan kepentingan mereka dalam negeri ini sangat-lah besar.

Penurunan nilai mata wang pound sterling telah merosakkan kepentingan British, oleh kerana kita mempunyai simpanan wang dalam bank² British, kita telah mengalami satu kerugian. Kejadian ini bukan-lah dapat kita hendak mengagak-nya. Kita tidak boleh mengharapkan yang British dapat memberi tahu kepada kita tentang tujuan mereka hendak menurunkan nilai mata wang sterling itu, kerana akibat-nya sangat-lah burok.

Soal sama ada Kerajaan negeri ini mempunyai kepercayaan kepada Parti Buroh British tidak-lah timbul, kerana Kerajaan negeri ini bukan-nya bergantung kepada Britain. Kita sa-buah negara yang bebas dan merdeka dan tidak-lah kena pada tempat-nya bagi kita hendak melahirkan pendapat kita tentang Kerajaan sa-buah negeri lain yang bersahabat dengan kita. Kita mempunyai Perjanjian Pertahanan dengan Britain yang boleh di-kaji dari sa-masa ka-samasa dan dengan sebab itu ada-nya perjanjian itu kita menjemput Kerajaan British supaya berunding dengan kita di-mana kita berharap semua negara² lain yang ada kaitan dengan pertahanan negeri ini akan juga bersama² mengambil bahagian. Negara² itu ia-lah Australia, New Zealand, Singapore dan Britain. Kerajaan sedang menghantar jemputan² kepada mereka itu untuk hadir dalam persidangan tersebut.

Tuan Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dapat-kah Kerajaan menyedari bahawa Kerajaan British yang ada sekarang yang di-ketuai oleh Tuan Wilson bertambah liar dan renggang-nya pandangan Kerajaan itu pada Malaysia dapat kita ikut bagaimana contoh baharu² ini, ia-itu Perdana Menteri ini tidak sempat memberi ucapan selamat hari jadi kepada Yang Teramat Mulia Tunku Perdana Menteri bagaimana yang di-buat oleh pemimpin² negara yang lain, atau baharu² ini Perdana

Menteri Soviet Union telah mengadakan uchap selamat. Jadi dengan keadaan yang sa-macham ini, dapatkah Kerajaan memberi satu kesimpulan bahawa Kerajaan Inggeris dengan Kerajaan Malaysia telah bertambah liar dan renggang keadaan-nya sekarang, walau pun ada perjanjian persahabatan.

Engku Muhsein bin Abdul Kadir: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan memang mengikuti pendirian semua Kerajaan² yang bersahabat dengan Kerajaan ini dan Kerajaan ini ada-lah mempunyai pendirian sendiri mengenai sahabat²-nya.

Tuan Mustapha bin Ahmad (Tanah Merah): Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apa-kah pandangan Kerajaan British sa-telah kita ada Perjanjian Pertahanan dengan mereka dengan usaha² baharu yang kita buat untuk negara² Asia yang mana di-dalam Perjanjian itu boleh jadi pada satu masa akan datang termasuk juga ikatan pertahanan. Apa-kah Kerajaan British sampai masa ini tidak memberi keberatan apa² ka-atas ikatan persaudaraan negara² di-Asia itu.

Engku Muhsein bin Abdul Kadir: Tuan Yang di-Pertua, ikatan persaudaraan di-Asia dan negara² tetangga kita ia-lah hak kita sa-bagai bangsa dan negara yang merdeka (*Tepok*).

KEAHLIAN PERSATUAN NEGARA² ASIA TENGGARA (A.S.E.A.N.)

3. Tuan Ahmad bin Arshad bertanya kepada Menteri Luar Negeri, berkaitan dengan Persatuan Negara² Asia Tenggara, yang kita sedia ma'alum, terdiri dari lima buah negara, terangkan adakah benar bahawa Timbalan Perdana Menteri telah menyeru supaya lain² negara seperti Burma, Cambodia, Laos, dan Brunei turut serta dalam Persatuan ini; jika ya, bagaimana-kah sambutan yang di-terima dari negara² tersebut sa-takat ini.

Engku Muhsein bin Abdul Kadir: Tuan Yang di-Pertua, kita belum menjemput negara² lain supaya memasuki

ASEAN. Saya fikir kita telah pun menyatakan di-dalam peristiharan kita bahawa pintu untuk negara² lain di-Tenggara Asia masuk bersama² di-dalam penubuhan ini sentiasa-lah terbuka, kechuali negeri Brunei, ia-itu sa-buah negara yang belum merdeka.

Memang-lah benar bahawa Timbalan Perdana Menteri telah menyebut pada 11 haribulan November, 1967, tentang perkara ini apakala beliau membuka persidangan penuntut² Muslim Tenggara Asia di-Universiti Malaya.

TA'ARIF PERKATAAN "ASIAN"

4. Tuan Ahmad bin Arshad bertanya kepada Menteri Luar Negeri:

(a) dapat-kah Kerajaan memberi ta'arif mana² negara yang di-katakan "Asian" tidak kira sama ada mereka dalam belok Kominis atau tidak; dan

(b) benar-kah apa yang di-katakan Asia Tenggara itu ia-lah negeri² yang berasal dari Rumpunan Melayu Tua (Sa-belum zaman Sri Vijaya).

Engku Muhsein bin Abdul Kadir: Dato' Yang di-Pertua, perkataan Asian menurut fahaman ilmu alam ada-lah berm'aana bahawa semua negeri² yang terletak di-dalam Benua Asia. Negeri² itu ia-lah seperti Burma, Laos, Thailand, Kemboja, Filipina, Indonesia dan sa-bagai-nya.

(b) Negara² itu bukan-lah mustahak dari rumpunan Melayu Tua. Tenggara Asia memang ikut erti ilmu alam termasuk-lah semua negeri² yang terletak dalam Tenggara Asia.

Tuan Ahmad bin Arshad: Kira-nya dua buah negara yang berhampiran dengan Malaysia, ia-itu New Zealand dan Australia hendak menyertai Blok Asian ini, dapat-kah Kerajaan Malaysia memberikan sokongan bagi kemasokan negeri itu?

Engku Muhsein bin Abdul Kadir: Kerajaan akan menentukan sikap apabila tiba masa-nya.

**SEARCH OF LABOUR PARTY
BRANCHES IN CHERAS ROAD,
KLANG, ETC., BY POLICE—
ALLEGED DESTRUCTION OF
PROPERTY**

5. Dr Tan Chee Khooon (Batu) (*dengan izin*) asks the Minister of Home Affairs if he is aware that in a number of Labour Party Branches, e.g., Cheras Road Branch, Klang Branch, etc., which have been searched by the Police, there has been wanton destruction of property and whether he could explain why the Police should act like vandals when their job is to protect life and property.

Menteri Muda Hal Ehwal Dalam Negeri (Tuan Hamzah bin Dato' Abu Samah) (*dengan izin*): I am not aware of such a thing happening. If the Honourable Member for Batu could furnish me with detailed information on specific instances, I shall cause investigations to be carried out.

Dr Tan Chee Khooon: Is the Honourable Assistant Minister of Home Affairs aware that we have taken photographs, at least I have them here—of the branch in Klang, which has not been closed down, and they clearly show the extent of destruction that has taken place in the branch in Klang. I shall pass these on to the Honourable Assistant Minister and I shall be very grateful if he will cause an investigation to be made based on these photographs. (*Photographs handed to the Honourable Assistant Minister of Home Affairs*).

Tuan Hamzah bin Dato' Abu Samah: As I said just now, I will cause investigations to be carried out, if the Honourable Member can give me specific instances of such acts.

Dato' Haji Mustapha bin Haji Abdul Jabar (Sabak Bernam): Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Ada-kah pengelidahan yang di-jalankan oleh Polis di-chawangan² Parti Buroh itu bersangkutan dengan ranchangan Parti Buroh memanggil Chin Peng sa-bagaimana yang tersiar di-dalam *Utusan Malaysia* pada 10 haribulan Disember.

Tuan Hamzah bin Dato' Abu Samah: Dato' Yang di-Pertua, saya kurang dengar soalan tadi: minta tolong ulang balek sa-mula.

Dato' Haji Mustapha bin Haji Abdul Jabar: Ada-kah pengelidahan yang di-jalankan oleh pihak Polis kepada Pejabat² Chawangan Parti Buroh ini bersangkutan dengan ranchangan Parti Buroh memanggil Chin Peng sa-bagaimana yang tersiar di-dalam *Utusan Malaysia* pada 10 haribulan Disember.

Tuan Hamzah bin Dato' Abu Samah: Tentang ranchangan Parti Buroh hendak memanggil Chin Peng itu tidak dalam ma'alumat saya. Tetapi hasil penyeludupan Pejabat² Parti Buroh ini menunjukkan bahawa Ahli² Parti Buroh ada menyimpan barang² sa-bagai buku ajaran Mao Tze Tung dalam satu pejabat-nya ada juga di-dapati satu bendera Vietcong yang menunjokkan Ahli² Parti Buroh ini yang menguruskan pejabat² ini ada-lah bukan sahaja tidak ta'at setia kepada negeri ini, tetapi menunjukkan bahawa mereka menumpukan ta'at setia-nya kepada satu negeri yang lain.

Tuan Mustapha bin Ahmad: Soalan tambahan. Apa-kah Menteri Muda Dalam Negeri ini sedar sa-telah beberapa kali berlaku kekacauan di-dalam negeri kita dan kekacauan itu banyak kali di-lakukan oleh ra'ayat yang bukan bumiputra, ini telah menimbulkan satu kegelisahan terutama sa-kali kepada penduduk² orang² Melayu dalam bandar² besar seperti Pulau Pinang, Kuala Lumpur, Melaka dan lain² lagi dan apa-kah tindakan Kerajaan hari ini bagi menyenangkan kedudukan ra'ayat-nya orang di-dalam tafsiran-nya sendiri merasakan tidak aman itu, walau pun umpama-nya di-dalam pentafsiran Kerajaan, benda sudah aman dan tidak ada sa-suatu. Jadi, saya ulangkan sa-kali lagi pertanyaan-nya bagini. Apa-kah Menteri Muda sedar bahawa sa-sudah timbul kegelisahan di-dalam hati ra'ayat di-dalam negeri ini terutama hati ra'ayat yang bumiputra bahawasa-nya mereka sudah tidak merasa keamanan sunggu² ketika mereka berada dalam masyarakat orang yang bukan bumiputra dan

apa-kah langkah yang telah Kerajaan ambil untuk memberi perasaan aman bagi diri orang itu sendiri dalam penafsiran-nya.

Tuan Hamzah bin Dato' Abu Samah: Sa-bagaimana yang telah di-jelaskan beberapa kali di-Dewan ini, langkah² tegas akan di-ambil terhadap orang² terutama-nya orang yang bukan bumiputra di-negeri ini yang menunjukkan mereka ini ada-lah berpendirian sa-bagai udang di-sabalek batu dan satu daripada langkah tegas yang harus yang mesti di-ambil terhadap terutama-nya orang yang bukan bumiputra ia-lah menghantar, membuang dia daripada negeri ini.

Tuan Mustapha bin Ahmad: Sa-telah Perdana Menteri dan Menteri² yang lain mengatakan bahawasanya keka-chauan yang berlaku di-Pulau Pinang dan lain² lagi ada-lah sumber daripada ilham kominis, tetapi di-chetuskan oleh pehak Parti² Buroh apa-kah boleh Menteri Muda Dalam Negeri bersa-maan faham dengan sa-tengah pemimpin² politik dalam negeri ini mengata-kan bahawa terjadi-nya kekachauan di-dalam negeri ini ada-lah satu demon-strasi kekuatan bangsa asing, atau pun bangsa yang bukan ra'ayat bumiputra. Erti-nya kejadian² di-Pulau Pinang dan di-lain² tempat, itu bukan-lah sa-benar-nya satu kejadian sa-chara tidak langsung, atau pun kejadian² sa-chara incident, tetapi sa-tengah ahli² politik mengatakan kejadian itu ada-lah demonstrasi kekuatan untuk mengukur 10 tahun, atau lima tahun yang akan datang, akan di-buat satu mood baharu, sa-kira-nya kekuatan sudah chukup matang (mature). Apa-kah Menteri itu sedar perkara ini dan dia dapat-kah menyertai pendapat yang mengatakan tunjok perasaan dan kekachauan dalam negeri ini ada-lah hasil daripada untuk menunjukkan demonstrasi ke-kuatan itu.

Tuan Hamzah bin Dato' Abu Samah: Berbangkit daripada perkara² rusohan itu, pehak Kerajaan faham bahawa kekachauan itu ada-lah di-bangkitkan di-sebabkan oleh satu gulongan orang² yang berfahaman di-luar negeri yang

berlainan yang bertujuan mengguling-kan Kerajaan bukan dengan sa-chara Perlembagaan, tetapi dengan sa-chara kekerasan, sa-chara militan dan per-kara ini ada-lah di-dalam perhatian dan dalam pengetahuan Kerajaan.

PERMIT KERJA UNTUK PE- LATEH² DAN KAKITANGAN DI-AMBIL OLEH M.S.A.

6. Tuan Mustapha bin Ahmad [*di-bawah S.O. 24 (21)*] bertanya kepada Menteri Pengangkutan ada-kah dia sedar bahawa pelateh² bidang kejuruteraan dan lain² kakitangan yang di-ambil oleh M.S.A. di-Malaysia untuk di-lateh di-Singapura tidak di-beri Per-mit Kerja oleh Kerajaan Singapura, dan dengan kerana itu mereka tidak dapat masok M.S.A. dan masaalah ini di-tujukan khas kepada pelateh² bidang kejuruteraan dan juruterbang pelateh sa-ramai 12 orang yang berakhir dan kekosongan² ini di-isi oleh warga-negara Singapura, dan jika sedar, apa-kah tindakan dia berchadang hendak ambil dalam perkara ini.

Menteri Pengangkutan (Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir): Tuan Yang di-Pertua, saya ingin memberitahu Ahli Yang Berhormat itu lagi bahawa sa-hingga sa-takat ini kebanyakan daripada orang² Malaysia yang telah di-pilih untuk bekerja dan berlateh oleh Sharikat Penerbangan Malaysia-Singapura telah pun di-beri surat keizinan bekerja, atau work permit. Mereka² yang telah di-tolak permohonan-nya, untuk mendapatkan surat keizinan be-kerja dan yang tidak dapat menerima jawatan² mereka itu ada-lah terdiri daripada lima orang pelateh jurutera, enam orang pelateh pekerja² mahir dan sa-orang juru kira². Saya sendiri bukan sahaja sedar, bahkan sudah memerentahkan kedua² Pengarah Malaysia, Kerajaan Malaysia yang ada di-sana membawa perkara ini kepada sharikat ini dan telah pun berhubung dengan Kerajaan Singapura, tetapi per-kara ini di-dalam perundingan lagi dan belum putus lagi.

KEMUNGKINAN JURUTERA² AIR INDIA MENGERJAKAN "SERVICE" BOEING

7. Tuan Mustapha bin Ahmad [*di bawah S.O. 24 (2)*] bertanya kepada Menteri Pengangkutan:

(a) benar-kah—

(i) dalam masa lawatan-nya ka-India untuk menandatangani Perjanjian Udara di-antara Malaysia dengan India, dia telah merundingkan kemungkinan Jurutera² Air India mengerjakan "service" Boeings kita masa depan; dan

(ii) jika benar, ada-kah dia mengambil langkah berjaga² untuk memastikan bahawa rancangan ini tidak di-khianati oleh B.O.A.C. atau Qantas yang ada kepentingan dalam M.S.A. dan Malaysia dan sa-jauh mana-kah rancangan ini boleh berjaya;

(b) bila-kah dia hendak melateh anak² Malaysia, khas-nya anak² Melayu memainkan peranan yang penting ini.

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir:
Tuan Yang di-Pertua, tidak. Yang lain yang berikut tidak timbul.

KEKUASAAN DI-M.S.A. MERUPA- KAN PERBEZAAN KAUM

8. Tuan Mustapha bin Ahmad [*di bawah S.O. 24 (2)*] bertanya kepada Menteri Pengangkutan ada-kah dia ber-setuju bahawa orang² bukan Melayu menguasai M.S.A. dan Singapura pula membuat keputusan tiap² dasar termasuk pentadbiran hari² dan kekuasaan bukan orang Melayu ini merupakan perbezaan kaum.

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir:
Tuan Yang di-Pertua, saya telah menyatakan beberapa kali bahawa ada-lah benar terdapat lebeh banyak orang² yang bukan Melayu di-dalam jawatan² yang tinggi di-dalam Sharikat Penerbangan Malaysia-Singapura daripada orang Melayu sendiri, dan saya telah pun memberi sebab² mengapa ujud-nya keadaan yang sa-demikian itu di-

dalam soalan² yang bertalu² datang-nya beberapa hari yang lampau. Saya tidak mempunyai bukti yang tepat yang menunjokkan bahawa kelebihan orang² yang bukan Melayu di-dalam Sharikat Penerbangan Malaysia-Singapura telah di-gunakan untuk membeza²kan terhadap golongan yang kechil, tetapi kalau Yang Berhormat ada keterangan penoh, sila-lah hantar kepada saya supaya kita siasat dan selideki perkara ini.

Saya rasa puas hati, kerana ada-nya langkah² yang chukup untuk mengelakan berlaku-nya perkara ini, kerana kepentingan Malaysia di-dalam sharikat ini ada di-jaga dengan sa-chukup²-nya bahkan sa-buah Jawatan-kuasa pemilih pun mengandongi daripada wakil² yang memang daripada sa-belah Malaysia dan juga Singapura bukan-lah di-pulangkan kepada pehak Singapura sahaja.

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah:
Tuan Yang di-Pertua, ada-kah benar bahawa Yang Berhormat Menteri Pengangkutan telah membuat satu janji bahawa beliau akan mengambil pe-kerja² yang tinggi terdiri daripada bumiputera apabila siap lapangan terbang baharu di-Pontian. Dan jika ia—mengapa-kah lapangan terbang yang baharu itu sengaja hendak di-dirikan di-Pontian.

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir:
Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat itu saya hendak katakan "dia mimpi, dia chelek". Ta' ada soal ini timbul. Yang sa-benar-nya Ahli Yang Berhormat dari Muar Utara mencha-dangkan kerana apa ta' buat lapangan terbang di-Pontian, saya sudah jawab bukan tempat-nya hendak buat lapangan terbang di-Pontian; konon-nya Pontian itu boleh jadi kawasan saya. Saya tidak ada berjanji, yang sa-benar-nya di-Negeri Johor kita ada juga di-Tanjong Laboh sa-buah lapangan kapal terbang, kerana dharurat, atau military.

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah:
Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dapat-kah Menteri ini menafikan, kalau

saya tunjukkan satu bukti bahawa Menteri ini ada membuat janji itu. Saya ada bawa dalam beg ini

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Tuan Yang di-Pertua, janji bukan sa-barang janji; tetapi di-dalam beg itu ada surat khabar sahaja; saya fikir ta' boleh di-pakai. Kita ada juga berchakap sa-kira-nya satu waktu sampai nanti, tetapi bukan sekarang.

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Nampak-lah bahawa ada janji ini telah di-buat dan kalau begitu tidak perlu saya membuka beg dan saya hendak tanya bila masa itu akan dapat.

Tuan Yang di-Pertua: Keluarkan-lah barang itu! (*Ketawa*).

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah: Tuan Yang di-Pertua, saya boleh tunjukkan. Ada potongan, ada kesemua, apa hendak semua ada (*Ketawa*). Surat khabar-lah Tuan. Saya mana ada surat² rahsia Kerajaan tidak akan boleh masuk dalam saya punya bag; tentu dia orang jaga. Ini surat khabar-lah.

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Tuan Yang di-Pertua, kalau Ahli Yang Berhormat ingin benar hendak mengengok lapangan terbang di-Pontian tunggu-lah apabila penduduk² Pontian barangkali banyak yang hendak menggunakan kapal terbang awam, tetapi waktu ini belum sampai lagi, duit pun ta' chukup. Yang ada hari ini hendak membetul lapangan terbang pun ta' chukup duit.

Dr Tan Chee Khoon: Tuan Yang di-Pertua, ada-kah Menteri yang berkenaan apabila wang chukup, duit chukup, akan menchadangkan membena lapangan terbang di-kawasan Bachok?

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Tuan Yang di-Pertua, saya akan timbangkan, kalau ada orang hendak naik kapal terbang awam. Kalau ta' ada, apa guna hendak buat lapangan kapal terbang di-Bachok (*Ketawa*)?

BUTIR² LARANGAN KA-ATAS GURU² MENGAMBIL BAHAGIAN DALAM POLITIK

9. Dr Tan Chee Khoon bertanya kepada Menteri Pelajaran:

- (a) boleh-kah dia memberikan butir² larangan yang di-kenakan ka-atas guru² yang mengambil bahagian dalam politik, dan apa-kah sebab peratoran saperti itu di-ujudkan sekarang pada hal guru² ini telah menjadi tulang belakang UMNO bertahun² lama-nya;
- (b) ada-kah ini di-sebabkan Perikatan tidak mendapat sokongan kaum guru lagi pada keseluruhannya; dan
- (c) boleh-kah dia jelaskan ini di-kenakan hanya kepada politik chergas sahaja.

Menteri Muda Pelajaran (Tuan Lee Siok Yew): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) peratoran² yang berhubung dengan perkara mengambil bahagian dalam politik oleh guru² memang telah sedia ada dan peratoran² yang di-jalankan itu ada-lah untuk menyusunkan menyelaraskan chara² yang patut di-ikuti oleh semua guru² yang hendak mengambil bahagian chergas di-dalam politik;
- (b) sa-tahu saya Parti Perikatan tidak kehilangan sokongan di-kalangan guru² pada keseluruhannya;
- (c) peratoran² itu di-kenakan untuk berita² dan mengambil bahagian yang chergas dalam politik sahaja. Guru² ada-lah bebas untuk memasoki sa-barang Parti Politik termasuk Parti Buroh sa-bagai ahli biasa dan ini tidak payah-lah meminta kebenaran.

Dr Tan Chee Khoon: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua, boleh-kah Menteri Muda Pelajaran beri tahu sa-hingga hari ini beberapa guru telah minta kebenaran untuk mengambil bahagian chergas dalam politik.

Tuan Lee Siok Yew: Tuan Yang di-Pertua, jikalau permintaan itu daripada guru² yang berkenaan, memanglah kita menimbang, tetapi sekarang ini, saya tidak boleh beri-lah berapakah ramai-nya guru² ini telah ambil chergas dalam politik itu.

WAN ABDUL HAMID, SETIA-USAHA DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA—PERLETAKAN JAWATAN

10. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah: bertanya kepada Menteri Pelajaran:

- (a) mengapa-kah Enche' Wan Abdul Hamid, Setia-usaha Dewan Bahasa dan Pustaka meletakkan jawatan-nya;
- (b) bila-kah dia meletakkan jawatan-nya;
- (c) siapa-kah yang mengambil tempat-nya sekarang;
- (d) apa-kah kelayakan Setia-usaha yang baru itu.

Tuan Lee Siok Yew: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Enche' Wan Abdul Hamid meletakkan jawatan-nya oleh sebab beliau telah di-tawarkan satu jawatan yang lebih baik di-tempat lain.
- (b) 1hb Mei, 1964.
- (c) Tempat-nya telah di-ambil oleh Enche' Mansor bin Aminudin.
- (d) Beliau ia-lah sa-orang Pegawai Perkhidmatan Dalam dan Luar Negeri yang di-pinjamkan kepada Dewan.

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Ada-kah betul² bahawa Enche' Wan Abdul Hamid ini meninggalkan jawatan itu dengan kesukaan hati-nya sendiri (on his own accord) atau pun ada sa-suatu pertelingkahan yang menyebabkan dia meninggalkan jawatan itu.

Tuan Lee Siok Yew: Tuan Yang di-Pertua, saya telah menjawab Enche' Wan Abdul Hamid telah di-tawarkan satu jawatan yang lebih baik di-tempat lain. Ini-lah bila berkata satu tawaran, satu jawatan yang baik, memanglah dapat beliau itu lebih maju lagi.

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Daripada jawapan Yang Berhormat Menteri Muda, dapat-kah kita membuat kesimpulan bahawa banyak pegawai² di-dalam Dewan Bahasa dan Pustaka itu apabila di-tawarkan jawatan² yang lebih baik, maka mereka akan lari dan meninggalkan Dewan itu.

Tuan Lee Siok Yew: Tuan Yang di-Pertua, kita tidak boleh memaksa kepada satu orang mengambil jawatan itu tetap, bila dapat jawatan yang baik itu dia memanglah hendak pergi ka-tempat lain.

PINJAMAN KERAJAAN PUSAT KAPADA KERAJAAN NEGERI SEMBILAN UNTOK KAWASAN PERUSAHAAN SENAWANG

11. Dr Lim Chong Eu [di-bawah S.O. 24 (2)] bertanya kepada Menteri Perdagangan dan Perusahaan:

- (a) ada-kah wang pinjaman Kerajaan Pusat kepada Kerajaan Negeri Sembilan sa-banyak \$4.5 juta untuk memajukan kawasan Perusahaan Senawang itu sia² sahaja kerana Kawasan Perusahaan Senawang nampak-nya gagal, dan memandang kepada Penyata Juru Odit Negara mengenai kawasan itu seperti yang terchatet dalam Penyata-nya tahun 1965 yang berbunyi—

“Daripada \$4,490,000 yang di-ambil oleh Negeri Sembilan sa-bagai pinjaman memajukan Kawasan Perusahaan Senawang, berhampiran dengan Seremban, sa-banyak \$3,827,526 telah dibelanjakan hingga akhir tahun 1965. Pada akhir bulan Ogos, 1966 hanya dua puluh dua permohonan untuk 34 ekar daripada 330 ekar yang ada telah di-terima dan hanya lima daripada-nya untuk 15½ ekar telah di-luluskan tetapi lot² ini masih belum lagi di-berikan oleh kerana pembayaran sewa, perimiam dan lain² bayaran yang di-kenakan masih belum lagi di-buat”; dan

- (b) ada-kah Kerajaan Pusat akan memastikan pada masa depan

bahawa pinjaman² kepada Kerajaan² Negeri akan di-gunakan dengan betul² dan jangan di-sia²kan dalam projek² yang tidak di-ranchang dan di-selenggarakan dengan baik dan teratur.

Menteri Perdagangan dan Perusahaan (Dr Lim Swee Aun): Tuan Yang di-Pertua, kawasan Perusahaan di-Senawang ada-lah satu hasil daripada usaha² yang berbagai bagi menuju arah perindustrian. Kawasan² perusahaan ada-lah penggalakan danendorong kepada bakat pengkilang² perusahaan. Ada di-antara kawasan² perusahaan ini menarek pembenaan kilang² lebih pesat dari yang lain. Saya boleh meyakinkan Ahli Yang Berhormat, ia-itu pada 'am-nya semua permohonan² pinjam wang kepada Kerajaan² Negeri, kerana pembenaan² projek yang ekonomik terlebih dahulu di-kaji dengan teliti dan di-nilai sebelum di-luluskan.

Dr Tan Chee Khoon: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua, kalau sa-kira-nya kata Menteri yang berkenaan permintaan untuk membena Senawang Industrial Estate telah di-kaji dengan teliti, mengapa pada masa ini tidak majikan, atau orang yang mengambil bahagian dalam perusahaan dan perdagangan itu pergi ka-Senawang Industrial Estate.

Dr Lim Swee Aun: Tadi, saya sudah jawab, ada sedikit kawasan perusahaan yang menarek kilang² dengan chepat, ada yang lambat.

Tuan Mustapha bin Ahmad: Soalan tambahan, sekarang ini bagaimana kita tahu bahawa tiap² Kerajaan Negeri menyediakan Kawasan² Perusahaan hampir semua tiap² Negeri di-dalam Malaysia ini, bila-kah atau bagaimana-kah chara pehak Menteri Perdagangan dan Perusahaan untuk memberi galakan kepada pengusaha² dalam negeri ini supaya mengadakan juga perusahaan² mereka tidak hanya di-Kuala Lumpur, tetapi di-luar² bandar. Dan untuk pengusaha² itu supaya menarek perhatian serta membuat perusahaan-nya di-luar daripada Kuala Lumpur.

Dr Lim Swee Aun: Perusahaan, atau kilang² di-luar bandar akan boleh di-timbulkan jika sa-kira-nya ada pemo-dal² hendak tanam modal di-situ dan kedua, jika ada pasaran barang² keluaran tempatan itu, dan lagi Kerajaan akan membawa satu Rang Undang² yang boleh memberi beberapa kemudahan² kepada pemodal² untuk menanam modal dan mendirikan kilang² di-tempat yang jauh daripada Kuala Lumpur, atau Petaling Jaya.

Dr Tan Chee Khoon: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua, boleh-kah Menteri yang berkenaan beri tahu kepada Rumah yang mulia ini di-antara 330 ekar yang di-katakan di-soalan ini sa-hingga hari ini berapa ekar telah di-ambil oleh majikan.

Dr Lim Swee Aun: Pada pengetahuan saya ada beberapa majikan telah meminta reserve tanah itu, tetapi belum di-ambil lagi.

Dr Tan Chee Khoon: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua, ada-kah Menteri yang berkenaan sedar Senawang Industrial Estate itu telah di-bena lebih dua tahun dahulu dan jika pada masa ini tidak berapa orang ambil tanah itu, bukan-kah itu menunjukkan Kementerian yang berkenaan tidak mengkaji perkara ini dengan teliti.

Dr Lim Swee Aun: Oleh sebab kadang² hendak dirikan satu kilang mengambil masa sa-lama lima tahun.

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua, ada-kah benar bahawa kelambatan mendirikan satu² kilang itu ia-lah kerana da'ayah, atau pun penerangan yang di-beri oleh Kerajaan itu bukan dalam bahasa kebangsaan dan Menteri kita sendiri pun bila pergi ka-sana memberi penerangan berkenaan dengan kilang itu dalam bahasa Inggeris, sedang Menteri sendiri pandai berchakap Melayu, ada-kah ini menjadi satu sebab, maka terlambat-nya membuat kilang itu?

Dr Lim Swee Aun: Tiada.

LANGKAH² MENCHEGAH PEKEBUN² KECIL MENJADI MANGSA PEMBELI² GETAH

12. Tuan Edwin anak Tangkun bertanya kepada Menteri Perdagangan dan Perusahaan apa-kah langkah² yang akan di-ambil oleh Kerajaan untuk mencheгах pekebun² kecil daripada menjadi mangsa pembeli² getah yang tidak bertimbang rasa.

Dr Lim Swee Aun: Tuan Yang di-Pertua, getah pekebun² kecil selalunya di-jual kepada pembeli² getah di-daerah masing². Pembeli² getah ini menjalankan perniagaan mereka mengikut lesen² yang di-keluarkan kepada mereka oleh pihak² berkuasa. Pihak² berkuasa ini berhak mengambil tindakan untuk membatalkan dan menggantung lesen² membeli jika pembeli² di-dapati memeras pekebun² kecil.

RUMOURS BY A FOREIGN RUBBER FIRM—INVESTIGATION

13. Tuan Edwin anak Tangkun asks the Minister of Commerce and Industry to state the results of the investigation of the Government on the activities of a large foreign based rubber firm which is believed to be spreading rumours aimed at disrupting the market and sabotaging the Malaysian Government's rubber-buying operation.

The Minister of Commerce and Industry (Dr Lim Swee Aun) (*dengan izin*): Mr Speaker, Sir, this matter has been investigated into, but it is not in the national interest to disclose the results of this investigation.

PERTUNJOKAN PERDAGANGAN KERAJAAN MALAYSIA DI-NEW YORK, 1965—PERBELANJAAN

14. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah bertanya kepada Menteri Perdagangan dan Perusahaan:

(a) ada-kah benar bahawa Kerajaan telah membelanjakan sa-banyak \$2,035,911 kerana Pertunjukan Perdagangan di-New York pada tahun 1965;

(b) apa-kah untong yang telah diperolehi oleh Kerajaan Malaysia dari Pertunjukan Perdagangan itu.

Dr Lim Swee Aun: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan dengan persetujuan Parlimen telah membelanjakan sa-banyak \$2,035,911 untuk mendirikan Pavilion Malaysia, di-pameran sa-dunia New York yang telah di-adakan sa-lama dua tahun, tahun 1964 dan tahun 1965. Jumlah wang ini merupakan perbelanjaan untuk sewa tapak membina bangunan pavilion dan juga perbelanjaan yang bersangkutan dengan barang² yang di-pamerkan sewa kapal, kaki²-tangan pentadbiran dan pengurusan. Oleh kerana peserta kita di-pameran tersebut ia-lah dengan tujuan untuk memperkenalkan Malaysia dan bukan-lah merupakan satu usaha perniagaan untuk mendapat keuntungan, jumlah wang yang digunakan itu ia-lah perbelanjaan hancus dan oleh itu soalan keuntungan, atau kerugian tidak-lah timbul.

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua, saya dapat pelajaran baharu ini dengan jawapan bahawa masalah ini ada-lah masalah bukan commercial. Saya pada mula-nya menyangka benda ini ada hubungan dengan commercial, sebab di-jalankan oleh Menteri Perdagangan, ia-itu Ministry of Commerce and Industry erti-nya adalah commercial, rupa-nya tidak ada. Tetapi, Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya bagini. Tidak-kah Yang Berhormat Menteri itu fikir bahawa hendak memperkenalkan Malaysia dalam pameran itu terpaksa kena belanja sampai dua million lebih, dan wang yang dua million itu kita pandang hancus bagitu sahaja, jadi tidak-kah ini satu perkara yang bukan bodoh, tetapi tidak bijak, tidak-kah Menteri itu fikir bagitu.

Dr Lim Swee Aun: Kadang² Ahli Yang Berhormat itu gaduh, kata-nya seluruh dunia tidak kenal Malaysia di-mana. (*Ketawa*).

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah: Yang saya maksudkan bukan masalah Kementerian ini tidak memperkenalkan,

tetapi memperkenalkan dengan chara commercial, dengan dua million belanja hangus begitu sahaja dengan tidak timbul langsung untong-nya walau satu sen sa-kali pun. Jadi tidak-kah itu merugikan, atau pun, Tuan Yang di-Pertua, sa-kurang²-nya kalau Menteri ini jawab, walau pun kita rugi dua million, tetapi orang boleh kenal Malaysia kita, saya lega hati juga, tetapi ini hangus begitu sahaja. Jadi ini tidak-lah Menteri fikir ini satu kerja membazir dan yang tidak patut di-ulangkan lagi.

Dr Lim Swee Aun: Ya, bila kita mengambil bahagian di-dalam pameran international tentu kita dapat keuntungan, oleh sebab, nombor satu, mengikut Ahli Yang Berhormat berkata negeri kita telah dapat kenalan di-luar negeri, dan yang kedua pelanchongan² boleh bertambah, dan ketiga, ra'ayat di-luar negeri boleh tahu apa barang kita jual dan apa barang yang dapat di-beli. Kita mesti belanja duit begitu banyak dan mengambil bahagian di-dalam pameran itu.

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Kalau itu jawapan-nya, mengapa-kah Menteri awal² lagi tidak menjawab, atau pun sengaja Yang Berhormat Menteri ini hendak beri saya bangun selalu supaya saya bertambah sakit lagi sedangkan dia tahu dia boleh jawab perkara itu pada awal² lagi (*Ketawa*).

Tuan Yang di-Pertua: Dia sangka Ahli Yang Berhormat itu sudah tahu.

Dr Lim Swee Aun: Tuan Yang di-Pertua, ini bukan sengaja. Ini oleh sebab dia tidak tahu bagaimana hendak karang soal-nya. (*Ketawa*).

Tuan Mustapha bin Ahmad: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Setelah kita menggunakan wang lebeh dua million, kerana mengadakan satu pertunjukan pameran kita di-New York, apa-kah pehak Kementerian ini membuat satu survey sa-jauh mana-kah dunia kenal dengan negara kita dan ada-nya hubungan dengan perdagangan dalam negeri kita sa-telah exhibition seperti itu kita buat di-New York dengan belanja sa-banyak \$2 million?

Dr Lim Swee Aun: Jika sa-kira Ahli Yang Berhormat itu hendak kita mensurveykan apa-kah hasil-nya ini, bolehkah dia beri jaminan boleh dapat meluluskan di-dalam Rumah ini perbelanjaan yang lebeh daripada dua million ringgit survey itu akan makan belanja.

Dr Tan Chee Khoo: Tuan Yang di-Pertua, Menteri yang berkenaan berkata wang ini sa-banyak dua juta ringgit lebeh di-belanjakan untuk memperkenalkan Malaysia kepada pelawat² di-New York ka-pameran tersebut, kalau begitu mengapa-kah peruntukan ini tidak datang daripada Kementerian Penerangan dan Penyiaran. Yang kedua, Menteri yang berkenaan kata-nya, pelawat² ka-pameran itu, maka sa-telah pergi ka-pavilion Malaysia, barangkali boleh datang ka-Malaysia, boleh-kah Menteri yang berkenaan beri tahu kepada Rumah yang mulia ini, ada-kah sa-lepas pameran itu pelanchong² dari U.S.A. ka-Malaysia ada meninggikan?

Dr Lim Swee Aun: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian saya mengambil bahagian di-dalam pameran di-luar negeri oleh sebab itu ada-lah dalam tanggung-jawab Kementerian saya. Yang kedua, sa-lepas pameran ini pelanchong² dari Amerika Sharikat telah bertambah.

PEMBERIAN WANG PENDA-HULUAN OLEH LL.N. BAGI KAMPONG² BAHARU UNTUK BEKALAN LETRIK

15. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah bertanya kepada Menteri Perdagangan dan Perusahaan:

- (a) ada-kah benar bahawa Lembaga Letrik Negara telah mendahulukan wang sa-jumlah 2.3 juta ringgit untuk bekalan letrik di-kampung² baharu di-Malaysia Barat tetapi negeri² yang berkenaan maseh belum membayar balek wang pendahuluan itu;
- (b) berapa-kah bilangan daerah² yang di-beri pinjaman itu dan di-negeri mana-kah daerah² ini;
- (c) berapa-kah jumlah yang telah di-bayar balek oleh tiap² negeri.

Dr Lim Swee Aun: Tuan Yang di-Pertua, ada-lah tidak benar bahawa Lembaga Letrik Negara telah mendahulu sa-barang wang belanja kepada Kerajaan² Negeri untuk bekalan letrik di-pekan² baharu, tetapi Letrik Negara telah menyelenggarakan bekalan letrik dalam beberapa pekan baharu bagi pehak Kerajaan Pusat. Jumlah bersekh kerugian bagi mengendalikan bekalan letrik tersebut di-dalam tempoh tahun 1962 sampai 1965 ia-lah sa-banyak \$1,206,643.87. Kerajaan Pusat telah juga membelanja sa-banyak \$1,300,000 untuk membolehkan pemasangan² bekalan tersebut yang telah di-minta menanggung sa-paroh daripada belanja kerugian mengendalikan bekalan tersebut sa-banyak \$1,200,000 lebeh.

Dukachita saya menyatakan tidak ada satu Kerajaan Negeri pun yang telah bersetuju mengambil alih mengendalikan bekalan letrik di-pekan² baharu tersebut dan tidak ada pula yang bersetuju menanggung bahagian belanja kerugian bagi mengendalikan bekalan letrik.

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah: Tuan Yang di-Pertua, ada-kah benar bahawa pehak Kerajaan Negeri, atau pun Kerajaan Tempatan tidak mahu mengambil alih ini, kerana dua sebab. Yang pertama, apabila letrik² itu dipasang di-tempat² itu nyata-lah rugi-nya lebeh banyak daripada untong sa-bagaimana yang Menteri sendiri pun mengaku. Dan yang kedua, untong-nya N.E.B. sahaja yang hendak mengambil dan pehak di-Local Council atau Local Authority itu tidak dapat, jadi ada-kah benar kerana dua sebab ini maka Kerajaan² yang berkenaan itu tidak mahu bekerjasama, atau mengambil alih?

Dr Lim Swee Aun: Tuan Yang di-Pertua, sa-benar-nya pekan² baharu ini yang dapat bekalan letrik oleh sebab masa dharurat, dengan itu terpaksa-lah Kerajaan membekalkan letrik walau pun ada kerugian. Jadi, sekarang selepas dharurat sudah tamat, pehak Kerajaan Pusat minta Kerajaan Negeri mengambil tanggung-jawab di-atas-nya, tetapi Kerajaan Negeri kata, "Ini bukan saya punya tanggungan, baik-lah Kerajaan Pusat tanggong lagi"; sebab itu

kita tidak dapat Kerajaan Negeri mengambil semua kerugian atas bekalan Letrik di-kampong² ini.

Dr Tan Chee Khoon (*dengan izin*): Mr Speaker, Sir, is the Honourable Minister of Commerce and Industry aware that apart from the fact that the State Governments are reluctant to foot part of the bill of rural electrification, that from the Central Government's point of view it is important that there should be light in the rural areas, particularly in the new villages, because if there is light in the homes then accidents in bed are less likely to occur and therefore it will give less trouble with a growing population.

Dr Lim Swee Aun (*dengan izin*): It is accepted that there should be light in the rural areas, including the new villages, and it was because of that that the Central Government has kept on bearing this loss despite all attempts to share the burden with the State Governments.

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Ada-kah benar bahawa satu daripada faktor², atau pun sebab² yang menambahkan banyak-nya rugi perbelanjaan ini ia-lah akibat daripada perbuatan² yang tidak bertanggung-jawab, merosakkan tiang² letrik dan perkakas² oleh sa-tengah² Jaripada anggota² Parti Buroh, ada-kah benar dalam perkara itu?

Dr Lim Swee Aun: Saya tidak sedar, tetapi jika sa-kira-nya ada orang subversive yang jahanamkan tiang² itu, tentu-lah itu menambahkan kerugian.

Dr Tan Chee Khoon: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Boleh-kah Menteri yang berkenaan beritahu kepada Rumah yang mulia ini, ada-kah tiang² lampu letrik di-rosakkan di-dalam Kelantan. (*Ketawa*).

Dr Lim Swee Aun: Barangkali ada.

PEMILEHAN KETUA PEMUDA

16. **Dr Lim Chong Eu** [*di-bawah S.O. 24 (2)*] bertanya kepada Menteri Kebudayaan, Belia dan Sokan, memandangkan kepada ta'arif Kementerian-nya mengenai perkataan "belia" sa-bagai

"orang muda dari kedua² jantina yang berumur di-antara 15 hingga 30 tahun", dan memandang kapada nasihat-nya terhadap semua pertubohan² belia supaya membataskan gerak-kerja²nya kapada orang² dalam lengkongan umur tersebut, maka ada-kah dia akan menarah Kementerian-nya supaya menasihati pemuda² UMNO memilih sa-orang ketua pemuda dalam lengkongan umur tersebut kerana ketua-nya sekarang yang botak itu sudah berumur lebih daripada 48 tahun.

Wan Abdul Kadir bin Ismail: Tuan Pengerusi, perkara yang berikut yang ingin saya menyentoh sedikit ia-lah Butiran (63)—Angkatan Belia Pelupor Negara. Sa-bagai satu usaha perintis Pusat Latehan Angkatan Belia Pelupor Negara telah berjalan dengan baik dan lancar sekarang dan tahun ini Pusat Latehan Angkatan Belia Pelupor itu akan mengambil lagi pelateh² baharu dan ada negara² sahabat yang menolong Angkatan Belia Pelupor ini saperti Jepun yang telah memberi sum-bangan Jurulateh² Teknik mereka dan ini tambah memberikan kedudukan yang lebeh baik kapada segala latehan² yang di-berikan kapada Angkatan Belia Pelupor itu. Hanya ada sungutan, Tuan Pengerusi, bahawa sa-bilangan daripada Jurulateh² ini tidak tahu bahasa yang lain sa-lain daripada bahasa Jepun. Mereka tahu bahasa Inggeris lebeh kurang "yes", "no", "allright" sahaja dan tidak dapat memberi pengertian yang memuaskan kapada Belia² Pelupor yang mengambil latehan di-dalam bahasa Inggeris. Ini menimbulkan kesukaran yang besar. Saya tidak tahu kenapa perkara ini berlaku dan kenapa-kah pegawai² kita yang memilih Jurulateh² Jepun ini tidak memastikan tentang kebolehan bahasa pakar² Jepun

itu. Saya rasa tidak-kah pehak Kementerian dapat menjalankan satu langkah sama seperti langkah yang di-buat kepada anggota² Peace Corps Amerika, ia-itu mengadakan guru² Bahasa Kebangsaan untuk mengajar mereka bahasa Melayu beberapa bulan sebelum pakar² itu menjalankan tugas-nya di-negeri kita ini.

Saya rasa dengan chara bagini maka kesukaran bahasa ini boleh dapat diatasi dengan senang. Tuan Pengerusi, saya suka juga menhadangkan supaya pehak Kementerian dapat menganjurkan suatu pesta belia kebangsaan, dalam mana dalam pesta ini dapat di-adakan pertandingan² bagi menerbitkan perkara² baharu yang boleh memajukan kebudayaan kita. Barangkali pada masa ini, Tuan Pengerusi, ada pesta belia anjoran daripada sa-buah pertubuhan Belia M.A.Y.C., tetapi dalam pesta ini hanya di-adakan pertandingan tentang tarian² yang sudah ada pada masa ini, tidak pertandingan² yang merupakan suatu chiptaan baharu. Katakan-lah kepada tarian² kebangsaan kita dengan beberapa tambahan², beberapa adaptation yang boleh tambah menyuburkan segala jenis chorak kebudayaan dan tarian² kebudayaan kita. Satu daripada adaptation dan rekaan² yang baharu, tambahan² yang baharu yang di-adakan pada tiap² tahun dalam pesta belia kebangsaan ini, maka akan dapat menambahkan nafas kepada kemajuan Kebudayaan Kebangsaan kita, dan dalam menchipta dengan lancar dan laju Kebudayaan Kebangsaan yang bertambah subur dan tambah membangun. Saya tidak tahu bagaimana-kah chara hendak di-adakan Pesta Belia Kebangsaan ini dan hendak di-perse-suai dengan sa-tengah² Pesta² Kebudayaan yang di-adakan oleh Badan² Belia yang sedia ada, tetapi saya rasa suatu initiative boleh di-lakukan oleh pehak Kementerian dalam perkara ini, dan boleh juga di-timbangkan ada-kah pesta belia kebangsaan ini akan di-adakan bersama² dengan Pesta Perayaan Merdeka, atau sa-bahagian daripada Pesta Perayaan Merdeka atau bagaimana. Kerana saya pandang dalam perayaan merdeka tiap² tahun yang kita adakan, kita hanya mengadakan pertunjukan sandiwara, tarian² dan jenaka

sahaja dan jikalau di-tambah dengan Pesta Belia Kebangsaan ini, dan di-adakan dalam-nya pertandingan² yang menarek minat dan perhatian segala Badan² Belia bagi mempersembahkan suatu tarian yang baharu kepada pertumbuhan kebudayaan kita maka saya rasa ini-lah langkah yang baik ka-hadapan.

Tuan Pengerusi, saya rasa tidak lengkap berchakap dengan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sokan ini jika saya tidak sebut tentang Majallah Pemimpin yang di-keluarkan oleh Kementerian ini. Saya suka memberi pujian bahawa Majallah ini, Majallah Pemimpin nama-nya berjalan bertambah terus baik dari sa-masa ka-samasa dan memberi satu bimbingan mental yang baik kepada masharakat dan kepada pemuda. Saya teringat, Tuan Pengerusi, bahawa tugas Kementerian Belia ini ia-lah memberi bimbingan kepada belia, dan saya rasa dalam bidang pimpinan kepada belia ini Kementerian ini telah menjalankan satu peranan yang berjaya, kerana Majallah Pemimpin yang di-keluarkan itu.

Saya suka bendak menambah, Tuan Pengerusi, bahawa tidak-kah dapat kira-nya Menteri Kebudayaan berpakat dengan Menteri Penerangan untuk memikirkan suatu ranchangan yang di-bawah arahan dan anjoran Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sokan di-dalam TV, bukan sa-bagaimana sekarang ada satu dua ranchangan untuk pemuda dan untuk belia, tetapi di-jalankan dengan tidak ada suatu planning daripada Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sokan, tetapi hanya dengan initiative dan daya utama daripada pehak TV sendiri.

Jadi, saya rasa programme² dan ranchangan² itu sa-tengah²-nya ada yang baik, sa-tengah²-nya ada yang kurang baik. Jadi kalau dapat-lah Menteri Kebudayaan ini berpakat dengan Menteri Penerangan di-serahkan penyelenggaraan ranchangan ini kepada pehak Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sokan bagi mengadakan satu programme yang baik untuk membimbing belia menerusi TV, maka saya rasa ini akan menambah lagi peranan baik yang di-jalankan oleh Kementerian ini

di-samping Majallah Pemimpin yang telah sedia ada itu.

Tuan Pengerusi, perkara yang akhir yang hendak saya sebutkan ia-lah Muzium, muka 154. Saya ingin hendak menyentuh satu perkara tentang Muzium ini, ia-itu pada tahun 1957 negara kita telah mengambil balek hak² kita yang di-rampas dan kita menjadi negara yang merdeka, tetapi mengenai Muzium ini, Tuan Pengerusi, mengenai barang², kesan² lama kita, yang merupakan hak² kita, hak² Muzium negara kita ini maseh banyak yang di-rampas dan belum di-kembalikan lagi. Banyak barang² lama, kesan² lama yang patut-nya dudok dalam Muzium Negara kita di-Kuala Lumpur ini, tetapi pada masa ini barang² itu dengan perbuatan penjajah, pemerentahan penjajah dahulu, ada yang ada di-Singapura, ada yang ada di-London, yang ada di-negeri Belanda, yang ada di-Paris dan berbagai² tempat lagi di-dunia ini. Saya rasa sudah sampai-lah masa-nya kita mengambil balek dengan apa chara sa-kali pun hak² kita yang di-rampas dalam masa penjajahan ini, ia-itu kesan² lama, barang² lama, barang sejarah yang ada, yang penting kapada sejarah kita dan kapada Muzium kita terutama sa-kali, Tuan Pengerusi, saya rasa sekarang ini Batu Bersurat yang lama sa-kali di-jumpa di-Malaysia ini, ia-itu Batu Bersurat yang di-ambil di-Ulu Trengganu, sekarang ini maseh ada di-Muzium Singapura. Saya rasa patut perkara macham ini kita berusaha supaya barang yang sangat mahal nilai-nya dari segi sejarah ini di-simpan dalam Muzium Negara kita. Bagitu juga barang² lain, dokumen² lain yang penting² yang ada di-London, di-Negeri Belanda dan lain² lagi.

Tuan T. Mahima Singh (Port Dickson) (*dengan izin*): Mr Chairman, Sir, speaking under this Head, Sub-head 1, I would like to make a suggestion to the Minister that, just as we have the Solidarity Week and the Language Week, it would be interesting and it would give greater publicity, if we had a Youth Week during which week all the various activities of this Ministry could be brought into focus to the people of this country and greater encouragement and publicity could be

given during that one week than is perhaps done in a year.

The second point, Mr Chairman, Sir, is that I would like this Ministry to organise and, perhaps, subsidise, if necessary, cultural groups from this country to our neighbouring friendly countries, so that these cultural groups from Malaysia could create the correct picture of the people of this country—to give them the type of people who live here and what their various cultures are; and in return, we can invite cultural groups from the neighbouring friendly countries of Asia, not only from the very neighbouring countries but even farther on to the Middle East, to Japan, and even to the West—but I would emphasise more to the neighbouring friendly countries of Asia.

My third point, Sir, is the point that has been emphasised by my Honourable colleagues about the saving and recording of ancient documents and relics, and in this respect, I would mention monuments or even buildings. Here in the heart of this Federal Capital, Sir, we have a unique monument which, in fact, is a showpiece of this country. In this case, I refer to what is commonly known as the Batu Caves. In about three days time, Sir, we will have almost 150,000 to 200,000 people going there to fulfil their vows, people who will go there to worship, and this is a unique thing for the people of this country and this also would be a unique thing for the tourists who come from abroad. This is something that they could not see in any other part of the world. Great publicity could be given through our Foreign Embassies in other centres to various festivals that are held in Malaya. We have festivals—Christian festivals, Muslim festivals, Hindu festivals, Chinese festivals and other festivals—which are peculiar to different parts of the country. This is not only to attract tourism but this is also to preserve the culture of our country.

Speaking about the Batu Caves as a national monument, it is also part of our history. Batu Caves has been associated with Malaysia for the last 60 or 70 years. I am told that there is even

a Committee to preserve the Batu Caves. I am afraid that if speedy steps are not taken, the tourists who come in 10 years or 20 years, will not see Batu Caves; they will only see the ruins of Batu Caves, because work is in progress, dynamiting is going on, and it has often been said that unless this is speedily stopped, it might damage Batu Caves. Batu Caves is not the only place of worship of a particular group of our people, but it also has special plants and animal life which are unique to this area. Thank you.

Tuan Haji Abdul Ghani bin Ishak (Melaka Utara): Tuan Pengerusi, saya bersama² juga mengemukakan perbekalan yang di-beri kepada Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sokan. Sa-belum saya masuk kepada perkara yang lain, biar-lah saya berchakap pada B. 14 berkenaan dengan hal Menteri Kebudayaan Belia dan Sokan yang peruntokan-nya \$10.00. Pada permulaan di-tubuhkan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sokan, saya ingat kalau ta' khilap, saya juga mengalu²kan supaya di-tubuhkan sa-buah Kementerian untuk menampung hal² yang bersangkut-paut dengan jenerasi muda kita di-negara ini. Tetapi ketika itu saya sendiri tidak-lah terlampau gopoh untuk menuntut daripada pehak Kerajaan supaya Kementerian ini terus menjadi sa-buah Kementerian yang mempunyai Menteri yang bertanggung-jawab penoh. Dan juga saya memerhatikan peralehan yang di-buat oleh Menteri Muda yang bertanggung-jawab terus dalam hal ini ada-lah menasabah pada masa² yang tertentu. Tetapi sa-telah kita mengikuti sama² dan kita pandang daripada dekat daripada apa tindak-tandok yang di-jalankan oleh Kementerian ini maka tentu-lah bagi pehak saya pada hari ini menyatakan bahawa pelaksanaan di-bawah Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sokan ini kalau kita hendak tuju kepada kemahuan kebangsaan kita, rasa-nya lambat dapat kita sampaikan. Jenerasi muda yang ada di-Malaysia ini, rasa saya lebih kurang 50% terdiri daripada orang² muda dan mereka ini-lah yang menjadi harta kepada negara kita pada masa akan datang. Jadi penduduk² yang

berjumlah lebih kurang 50% daripada seluruh penduduk Malaysia ini, kalau di-sambil-lewakan dalam hal pembinaan-nya saya rasa tentu-lah bagi perkara negara ini kita tidak dapat menchapai matlamat yang chepat, atau matlamat sa-benar sa-bagai satu bangsa, atau sa-bagai satu negara, yang boleh mempertanggung-jawabkan ra'ayat-nya pada masa yang akan datang. Chontoh boleh saya tunjokan satu demi satu, mithal-nya, kita menyeru mengharap-kan belia² ini tampil ka-hadapan untuk mengambil tanggung-jawab-nya dalam masyarakat, walau bagaimana, atau dimana mereka berada, tetapi saya mahu bertanya pada Menteri Muda yang memerhati daripada sa-masa ka-sa-masa, atau pun Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sokan yang memerhati dari satu masa ka-samasa, ada-kah sambutan, atau pun kemajuan, yang di-chapai daripada rayuan² atau seruan itu memuaskan hati beliau sendiri? Saya rasa sama² dengan fikiran saya tentu-lah perkara ini tidak dapat kita perhatikan dengan yang baik. Oleh sebab itu, maka saya mengshorkan kepada Kerajaan yang ada sekarang ini sa-lambat²-nya sa-lepas pilihan raya yang akan datang ini, hendak-lah diadakan sa-buah Kementerian penoh, ia-itu Kementerian yang bekerja terus, atau bekerja penoh tanggung-jawab dalam hal belia, atau pun dalam hal² yang ada sekarang ini sa-bagai sa-buah Kementerian penoh yang boleh membuat planning untuk gerakan² yang terus menerus untuk menampung kemahuan negara.

Saya, Tuan Pengerusi, memerhatikan perkara ini kerana sangat-lah kita tidak berpuas hati dalam hal peralehan sikap, atau peralehan sa-orang atau pun ra'ayat yang muda ini dalam masa mereka ini hendak menjadi ra'ayat biasa pada masa² yang akan datang, kerana mereka ini tidak dapat menyesuaikan atau kadang² tidak dapat hendak membawa langkah mereka kerana kekurangan dalam serba perkara, kita pandang belia² yang bertaboran di-tanah ayer kita bukan-lah semua-nya mereka ini mempunyai pelajaran yang boleh membuat daya utama, atau pun mengambil daya utama persendirian untuk hendak memajukan diri-nya sendiri pun, ada

sa-tengah² mereka ini tidak mampu, untuk hendak membawa, atau pun hendak mencapai kemajuan bagi pehak tempat mereka masing².

Oleh sebab itu, saya nampak keseluruhan gerakan belia, atau pun gerakan² yang hendak menampong, atau pun yang hendak memimpin belia ini saya sa-kali lagi mengshorkan hendaklah di-dalam satu badan, atau pun di-bawah satu Kementerian terus. Sekarang berapa banyak badan² belia yang bersimpang-perenang, sa-tengah² umpama-nya belia yang di-bawah pasokan² sukarela di-bawah Kementerian lain, atau pun hubungan-nya daripada Kementerian lain, atau pun daya usahanya di-arahkan daripada lain Kementerian dan sa-tengah²-nya daripada Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan sendiri. Jadi perkara yang bagini pun, walau pun banyak perkakas² yang ada di-tanah ayer kita ini yang nampak-nya kita memberi, atau pun mengeluarkan perbelanjaan ada gunanya, tetapi guna atau pun jawapan daripada penggunaan ini, saya rasa tidak dapat kita banggakan sa-bagai satu kejayaan yang menasabah.

Jadi, oleh sebab itu-lah saya sa-kali lagi mengshorkan supaya Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan ini dijadikan satu Kementerian yang penoh tidak-lah di-sambil²kan sahaja menompang di-bawah satu Kementerian untuk menyelenggarakan hal² yang lain. Kerana ini perекtis, ini perkara bukan pakai theory² sahaja, bukan pakai dengan fikiran² kita, ini baik itu baik, tetapi hendak di-ikut sa-telah kita putuskan sa-suatu yang kita hendak atorkan, yang kita hendak buat untuk pemuda, atau kemajuan belia, maka kita hendak ikuti dia ada-kah gerakan ini berjaya pada tahun ini, atau pada bulan ini, jadi kalau kita biarkan sahaja hanya kita menghantar pegawai² belia ka-daerah, atau pun ka-negeri yang mereka ini hanya menasahatkan sahaja badan² belia, maka ini saya rasa tentu-lah tidak akan mendapat kesempurnaan dan dengan ketiadaan pimpinan yang terus daripada Kementerian ini, maka belia² kita sekarang bolehlah saya terangkan dalam Dewan ini sa-tengah²-nya menjadi perkakas, atau alat orang lain. Kejadian telah berlaku,

Tuan Pengerusi, pada satu masa, satu badan yang tidak bertanggung-jawab telah masok kapada sa-buah persatuan belia di-tempat saya sendiri. Kebetulan ketika itu saya di-panggil sa-bagai sa-orang pencheramah yang akan bercheramah dari hal pentadbiran belia. Saya telah bersedia-lah hendak memberi sa-banyak sedikit tunjok ajar kapada adek² saya di-kawasan saya, tetapi malang-nya kerana mereka ini tidak ada mempunyai pendirian, tidak ada mempunyai pegangan yang kuat, datang sa-rombongan mereka² yang mencherminkan, atau pun yang menunjokan muka-nya sa-bagai orang intelek yang datang-nya daripada mahasiswa daripada universiti, mereka ini dengan tidak ada program telah mengambil masa untuk berchakap dan telah menganjorkan perkara² yang tidak menasabah di-ambil, atau pun di-dengar oleh pemuda², atau pun belia². Jadi perkara ini, saya tidak-lah takut dengan hal² yang bagini kalau hanya satu tempat yang kechil atau satu tempat yang saya chontohkan berlaku tadi tetapi keadaan ini boleh jadi kalau kita tidak arahkan, atau pun kalau kita tidak ranchangkan, renchanakan perkara² yang menasabah yang hendak di-ikuti oleh pemuda atau oleh belia dengan tugas² yang tertentu, maka tentu-lah perkara ini boleh menjadi kerosakan kapada keadaan belia² yang akan datang, tentu-lah bagi pehak Menteri Muda, atau pun bagi pehak Kementerian ini tidak suka perkara² itu berlaku pada masa akan datang.

Perkara yang lain, saya katakan tadi, kalau sa-kira-nya mereka ini di-biarkan bergerak chara daya usaha sendiri boleh kita perhatikan, mereka hanya kadang² umpama-nya terikut², peraduan Qur'an di-adakan di-negara kita ini daripada perengkat negeri, pada Perengkat Kebangsaan dan Perengkat Antarabangsa, kemudian tergerak pula ikutan² daripada belia ini mengadakan dan masa-nya pula orang telah berlalu dahulu, dia buat kemudian. Jadi perkara yang macham ini tentu-lah kita perhatikan bagaimana-kah punchanya timbol. Jadi menimbulkan hal² ini-lah yang patut kita perhatikan daripada sekarang, kerana belia ini, atau pun orang² muda yang macham ini, saya

ulang sa-kali lagi tujuan Kerajaan kita untuk memimpin dan pimpinan yang sa-benar-nya mesti-lah di-mulakan daripada sekarang. Bagitu juga hal² yang lain, saya masok sedikit berkenaan dengan hal kebudayaan mithal-nya didalam hal Kementerian ini; banyak persatuan² yang menampong, atau pun yang mendirikan persatuan² belia di-tempat² di-negeri kita ini yang main ikutan² tidak dengan chara yang sa-benar, kalau latehan² di-adakan, tetapi ini belum-lah lagi menyeluruh pada semua-nya kerana kita tahu pusat² yang melateh belia² kita mengambil latehan kebudayaan ini, saya rasa tentu-lah belum lagi chukup dan meraka² yang keluar pula ada sa-tengah² tidak dapat menyampaikan apa perkara yang di-dapat daripada latehan² itu, oleh sebab itu kita tengok mereka ini semua memakai ikutan² sahaja.

Jadi, kadang² dalam masa kita menuntun sa-suatu timbul satu perasaan yang tidak baik daripada jiwa kita untuk menilai suatu yang hanya menjadi ikutan atau pun yang di-turut² daripada perkara² yang tidak elok. Sampai sekarang saya rasa, kalau mereka ini melihat dalam T.V. kalau ada orang² yang menari dalam hal tarian kebangsaan mereka, semua mesti tanggal kasut—mesti kaki ayam, jadi ini di-gelakkan orang² yang telah maju sedikit fikiran-nya; ada-kah tiap² tarian kebangsaan itu mesti luchut kasut, ini satu soalan mithal-nya. Pemimpin² itu tidak dapat jawab. Ada pernah kita tengok ini, bila murid² menunjukkan hal² tarian kebangsaan kita di-tengah padang baik, di-tengah lechak baik, di-atas pasir baik, mesti tanggal kasut. Jadi, perkara ini walau pun kecil, tetapi dalam T.V. kalau di-hantar gambar keluar negeri, ini-lah dia rupa-nya keadaan perkara² yang hendak di-tunjukkan, patut-nya perkara ini hendak-lah di-analisa terus daripada pehak Kementerian ini supaya bayangan apa chontoh yang kita keluarkan, yang kita salorkan ini boleh mendatangkan kebajikan kepada negara kita dan juga image kita di-pandang daripada luar negeri.

Tuan Pengerusi, saya rasa chukup-lah bagi pehak shor² saya itu kerana

meliputi dalam hal² yang lain² yang kecil² itu boleh di-fikirkan daripada sa-masa ka-samasa, dan saya sa-kali lagi merayu supaya Kementerian ini pada masa yang pendek yang di-hadapan mesti menjadi satu Kementerian yang bertanggung-jawab penoh dan tidak-lah bergantung pada sinaran² yang lain, atau pun di-bawah hal² Kementerian yang lain menumpang sahaja, pada hal yang di-tampong-nya, atau yang di-pimpin-nya ia-lah sa-bahagian besar daripada ra'ayat yang ada di-Malaysia kita pada masa akan datang. Terima kaseh.

Tuan Ahmad bin Arshad (Muar Utara): Dato' Pengerusi, saya bangun menyokong peruntukan yang di-minta oleh Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan. Saya chuma hendak menarek perhatian, Dato' Pengerusi, dalam masaalah belia saya katakan dahulu. Belia ini, saya menyokong-lah atas pandangan yang di-berikan oleh Ahli Yang Berhormat dari Rawang supaya dapat Kementerian ini memikirkan dan mengkaji membentok sa-buah Jawatan-kuasa mengkaji dasar belia kebangsaan yang di-anggotai oleh

Tuan Pengerusi: Jika menyokong sahaja, tidak payah-lah berchakap banyak².

Tuan Ahmad bin Arshad: Alasan hendak di-beri, Dato' Pengerusi, dengan di-anggotai oleh Kementerian yang ada berkaitan dengan belia sebab daripada sini, Dato' Pengerusi, kita boleh membuat ranchangan memberi faedah kepada belia² yang ada kesatuan-nya di-Malaysia ini, sekarang ada 1,188 kelab belia anggota-nya saya tidak dapat jumlahkan. Daripada situ bukan sahaja belia ini di-suroh mereka bergiat dalam kebudayaan, dalam sokan, dalam kesenian, tetapi kita mesti memikirkan belia patut kita berikan dalam bidang perekonomian. Dan juga bersama² dalam pembangunan negara kita sekarang ini. Jadi dengan ada-nya Jawatan-kuasa, kalau Kerajaan Negeri boleh mengadakan ladang bagi belia kenapa bagi pehak Kerajaan Pusat tidak boleh mengikut chontoh apa yang di-buat oleh Kerajaan Negeri itu mengadakan ladang untuk

belia². Jadi, itu-lah saya kata saya sokong atas pandangan yang di-buat oleh Ahli Yang Berhormat dari Rawang.

Kemudian, Dato' Pengerusi, saya hendak berchakap di-muka 153 berhubong dengan sokan, ia-itu ada minta peruntokan wang sa-banyak \$175,000. Dalam bahagian sokan ini, Dato' Pengerusi, gemar saya menarek perhatian supaya Kementerian ini mendalam dan memupok semangat perpaduan dan kesetiaan kebangsaan Malaysia kepada ahli² sokan kita dengan memberi sharahan sa-belum daripada mereka mengambil latehan, atau masa² yang sesuai. Sebab saya bangkitkan perkara ini, Dato' Pengerusi, terutama sa-kali kalau ahli² sokan kita itu hendak pergi memasoki pertandingan antara bangsa atau pertandingan luar negeri. Memang benar mereka itu menghormati semangat sokan, tetapi kalau kadang kala-nya timbul bagi ahli² sokan itu membanggakan perkauman, atau pun memasokkan faham kepartian dalam sokan itu maka akan rosak, akan hanchor-lah nama sokan kita di-antara bangsa. Saya harap juga Kementerian ini akan memerhatikan supaya mencheгах ada anasir² yang merosakkan ahli² sokan kita kadang kala ahli² sokan kita mungkin di-jadikan pertarongan oleh mereka itu. Bila saya sebut bagini, Dato' Pengerusi, bila saya kata perkauman, kita katakan-lah ahli sokan kita keturunan daripada orang China dia hendak berlawanan dengan orang China di-Taiwan, kalau tidak ada semangat ka-Malaysian yang tulin, yang penoh, maka dia akan patoh kepada perkauman asal-nya. Jadi, itu-lah yang saya harapkan supaya dapat di-perhatikan dalam masaalah ini. Dan kalau di-dapati yang sa-umpama ini kita harus mengambil satu tata-tertib dalam bidang sokan.

Dato' Pengerusi, saya minta Kementerian ini mengambil berat supaya belia² kita ini jangan menjadi mangsa pertubohan kuning. Sebab di-masa² yang akhir ini ada badan² yang datang ka-kampong² mengambil belia² kita, gadis² kita dengan di-tawarkan bekerja yang gaji-nya lumayan, tetapi ibu bapa-nya rela menyerahkan anak-nya kerana dapat kerja daripada badan

kuning ini berikan anak-nya pergi ka-suatu tempat, akhir-nya di-dapati, Dato' Pengerusi, apa jadi-nya gadis ini, dia menjadi penari² di-kelab malam, kadang² menjadi pelachor. Jadi, ini sangat menyedehkan, saya harap Kementerian ini mengambil perhatian, kalau boleh di-beri arah kepada Penghulu² dan Ketua² Kampong bila mana sa-suatu badan yang hendak mengambil belia², atau gadis kita di-kampong hendak-lah di-beri tahu lebeh dahulu, atau dengan keizinan Ketua Kampong dan Penghulu dalam kampong itu supaya gadis² kita ini tidak terjerumus dalam masaalah yang saya sebutkan itu.

Satu perkara lagi, Dato' Pengerusi, saya hendak berchakap Hal Muzium. Jadi dalam Kementerian ini telah mengatakan memberi sedikit bantuan kepada muzium negeri Perak tetapi saya hendak bangkitkan kalau boleh Kementerian ini memberi daya utama, atau apa kemudahan yang boleh diberikan kepada Muzium yang patut di-dirikan dalam negeri Johor. Di-Johor ada satu kawasan Zoo—Kebun Binatang, tetapi tidak ada bangunan kerana menyimpan yang di-katakan muzium barang². Di-Johor, Dato' Pengerusi, satu negara yang kaya dengan barang² purba dan kalau di-situ di-jadikan salah sa-buah muzium negara; bukan erti-nya muzium negeri Johor, muzium kerajaan Malaysia dan di-sini menjadi satu tarenan pula kepada pelanchong² yang luar negeri bila mana mereka datang ka-Singapura, mereka boleh melanchong sampai ka-Malaysia, ka-Johor Baharu. Sekarang hanya di-Johor Baharu hanya menjadi kemegahan Mesjid Abu Bakar-nya, Kolam Ayer di-Kota Tinggi-nya, Zoo-nya, tetapi kalau ada muzium yang saya katakan ini tadi menjadi satu daya penarek kepada pelanchong² yang datang singgah ka-Singapura masuk ka-Malaysia dalam perjalanan-nya hanya 16 atau 17 batu. Jadi, saya harap-lah Kementerian ini supaya dapat memberi kemudahan apa yang boleh atas ranchangan kira-nya Kerajaan Negeri Johor hendak mengadakan, menambahkan kebun binatang itu kepada bangunan Muzium, itu sahaja, terima kaseh.

Tuan Tan Toh Hong (Bukit Bintang) (*dengan izin*): Mr Chairman, Sir, I would like to refer to Head B. 14, Sub-head 12, regarding the youth activities in the country and the work of the Ministry in respect of youth services. While appreciating what the Ministry is doing in the promotion of more youth activities in spite of its limited funds and personnel, I feel very strongly that much more should be done for the promotion of multi-racial understanding and get-together among the youths of all races. There should be more Boys' Clubs in which youths of all races could get together more often, thereby obtaining better multi-racial understanding. The real importance of youth lies not in what they are today, but in what they promise to become in a multi-racial society like ours.

Mr Chairman, Sir, I therefore feel that the Ministry should give top priority to the establishment of more Boys' Clubs in all towns, especially for those under 17 years of age which is the age most vulnerable to delinquency. Sir, the need for these Clubs are especially pressing in towns and cities like Kuala Lumpur, Penang, Ipoh, etc. The existing tendency has been to focus attention on youths in rural areas. While this is important, there is also an urgent need to focus attention on youth activities in urban areas especially as they are facing numerous economic, social and moral problems.

In this respect, Sir, the amount provided for "Aid to Voluntary Youth Organisations and Promotion of Youth Activities" has been \$190,000, since 1966. There is only an increase of \$5,000 in this year's provision. Much more money is certainly needed, Sir. This is inadequate as compared to the \$700,000 voted for the equally important Welfare Services Boards for the care of old people.

Sir, youth under 25 years of age constitutes 60% of the total population of Malaysia, and as such I urge the Ministry to continue its good work in the promotion of more youth activities, especially multi-racial activities, that will bring about greater and better

future happiness in our country. Thank you, Sir.

Tuan Hussein bin Sulaiman (Ulu Kelantan): Tuan Pengerusi, saya suka juga mengambil bahagian berchakap sedikit dalam Kepala Bekalan 14—Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan. Saya rasa Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan ini ialah satu Kementerian yang saya anggap sangat mustahak dan patut di-beri peruntukan lebih daripada yang ada dalam Anggaran Perbelanjaan ini, kerana di-sini ada chuma \$3,665,921 kerana saya memandang dan mengkaji dalam segala aspek Kementerian² yang lain bahawa Kementerian ini ialah satu Kementerian yang boleh memberi sumbangan besar kepada belia² dalam negara yang sedang membangun ini. Saperti kita semua ma'alum ia-lah dalam mana² perjumpaan dan dalam mana² sharahan pemimpin² kita pernah berkata pemuda itu harapan bangsa dan pemuda itu tiang negara, tetapi pada hari ini saya rasa pehak Kerajaan telah berikhtiar sa-bberapa boleh memberi segala pertolongan, segala kemudahan kepada pemuda, tetapi saya tidak begitu menchukupi kerana saya memandang peranan² pemuda dalam menjalankan pelayaran kehidupan-nya maseh panjang lagi. Maka dengan itu saya harap Kementerian ini dapat memberi banyak lagi ranchangan yang dinamik kepada pemuda, kerana pada masa ini banyak pemuda² dalam dan di-luar bandar yang telah lulus Darjah VI Sekolah Kebangsaan dan yang telah gagal dalam Peperiksaan Sijil Persekolahan Rendah (L.C.E.) mereka ini berumur di-antara 15 dan 19 tahun. Kebanyakan tidak melanjutkan apa² pengajian lagi dan banyak juga yang ibu² bapa tidak mampu menanggung sara hidup pemuda² itu. Kesenangan untuk pemuda² itu melanjutkan pelajaran, pengajian atau latehan pertukangan memang-lah telah di-adakan oleh Kerajaan, tetapi sangatlah terhad. Ada juga beberapa kesulitan yang menghalang pemuda² itu daripada mengambil latehan di-sebabkan pusat² latehan itu jauh daripada tempat kediaman, atau kerana masaaalah kewangan. Peluang² menchari kerja² Kerajaan, kerja² sharikat, atau kerja² kilang sangat²-lah payah.

Semua pekerjaan berkehendakkan kelulusan sekolah yang tinggi. Pekerjaan buroh pun sukar di-dapati sekarang. Berbagai² chara pusat latehan telah di-adakan baik di-perengkat Persekutuan dan Negeri. Untuk membolehkan pemuda itu berlateh dalam pertukangan, pertanian, tukang kayu dan sa-bagainya, ada juga pusat² latehan yang telah di-dirikan untuk pertanian dan ternakan, tetapi semua ini menuju kepada perindasterian sa-bagai beli-kerja sahaja dan tidak-lah sa-bagai satu ketentuan jaminan hidup pada masa hadapan. Langkah² ini akan menyebabkan pemuda² kampung menyerbu ka-bandar untuk menchari kerja dan kehidupan dan ini akan menggabungkan pemuda kampung dengan pemuda bandar yang akan menerbitkan berbagai kesulitan masharakat (social problems), pada hal soal² pemuda bandar pun memang sukar di-atasi. Jadi, saya rasa ini-lah masaalah² pemuda yang di-hadapi pada hari ini dan saya berharap-lah Kementerian yang berkenaan ini meranchangkan susunan yang rapi, sebab-nya saya sendiri ma'alum sa-bagai Wakil Ra'ayat dalam kawasan saya tidak ada satu ma'aluman, atau pun jadual² susunan kursus² yang di-hantar kepada Wakil² Ra'ayat untuk memberi kemudahan kepada pemuda² yang ada diseluruh kampung dalam kawasan.

Dan yang kedua masaalah Kementerian ini, saya dapati Kementerian ini telah menghantar beberapa Pegawai² Kebudayaan ka-Negeri dan ka-daerah² di-tiap² Negeri sekarang. Tetapi yang mendukachitakan saya perlantekan Pegawai² Kebudayaan Negeri-Daerah dan Penolong Pegawai Daerah ini diambil daripada orang² gulongan yang ada kelulusan pelajaran sahaja, tetapi tidak memandang berat di-atas pengalaman, atau pun pengetahuan² yang telah sa-lama ini dia dapati daripada pengalaman dalam hal pemuda, atau pun kelab² belia. Dan dari sini-lah saya rasa satu kesulitan bagi kelab² belia yang ada berselerak di-dalam negara kita ini akan mendapat kemajuan. Ada pula daripada pehak Kementerian ini, pegawai²-nya menchuba menubuhkan kelab² yang di-panggilkan 4B. Yang sa-tahu saya kelab ini sama juga dasar

dalam perjalanan-nya bagaimana yang telah di-jalankan oleh kelab² saperti M.A.Y.C. dan M.Y.C. yang ada telah lama menjelma di-dalam negara kita ini. Jadi ini ada-lah satu pertandingan baharu yang saya rasa tidak akan memberi kejayaan kepada kelab² belia yang ada sekarang ini. Dan juga yang mendukachitakan saya tiap² kali masa, saya menuntun television, saya dapati tarian² yang di-tunjokkan dalam television itu kebanyakan-nya berchorak India jadi

Engku Muhsein bin Abdul Kadir: Tuan Pengerusi, saya rasa elok-lah perkara itu di-chakap dengan Kementerian Penerangan, kerana Kementerian Kebudayaan tidak menjaga hal television.

Tuan Pengerusi: Boleh di-masokkan television sementara.

Tuan Hussein bin Sulaiman: Walau pun begitu saya rasa ada hak juga bagi pehak Kementerian Kebudayaan ini mengambil berat, kerana ini-lah satu seni tarian, atau kebudayaan yang patut di-beri atau di-tunjok-ajar supaya jangan-lah chorak² yang sa-macham ini di-pengarohi oleh masharakat belia² kita pada masa sekarang ini, kerana pada masa ini pun kita sedia ma'alum kebanyakan orang kita pun telah ter-pengarohi dengan lagu² Hindustan, filem² Hindustan, kerana ada-nya banyak tayangan² yang saperti itu. Dan saya harap perkara ini pun patut jugalah Kementerian mengambil berat supaya jangan-lah mengadakan chorak² tarian sa-macham itu. Patut-lah Kementerian ini mengadakan satu tarian, atau pun seni tarian Kebudayaan chorak kebangsaan supaya dapat kita memberi tauladan, atau pun tunjok ajar untuk belia² ikut menyerta dalam hal seni ini. Dan saya suka juga menyentuh sadikit dalam hal ini, dalam hal Angkatan Belia Pelupor Negara. Dalam hal ini saya telah beberapa kali melawat di-tempat Angkatan Belia Pelupor Negara dan saya dapati, saya rasa tidak begitu memuaskan, kerana saya nampak pakaian sa-ragam Angkatan Belia Pelupor Negara ini tidak begitu kemas, tidak-lah saperti sa-bagaimana yang telah kita tengok sa-bagai askar² atau pun lain² pertubohan,

yang beruniform. Dan tidak ada satu disiplin yang memuaskan.

Tuan Pengerusi: Saya suka hendak bertanya atas Kepala berapa dan butir nombor berapa perkara yang di-chakapkan itu?

Tuan Hussein bin Sulaiman: Saya berchakap di-atas Kepala Bekalan 14, bersabit dengan Angkatan Belia Pelupor Negara.

Tuan Pengerusi: Muka berapa?

Tuan Hussein bin Sulaiman: Muka surat 150. Jadi itu-lah patut di-jadikan satu pandangan kepada Kementerian, atau pun pehak² yang berkenaan dan saya dapati juga di-dalam Angkatan Belia Pelupor Negara itu banyak kekurangan yang ada seperti pengajar² teknik. Saya rasa pengajar² teknik ini sangat² kurang dan juga perkakas² seperti jentera kereta² burok, lori² burok pun tidak begitu ada. Jadi terpaksa-lah 50-60 orang peserta² yang hendak ambil bahagian itu terpaksa kena menunggu giliran dia menggunakan alat² di-situ. Saya rasa ini-lah satu perkara yang boleh mengubah fikiran budak² itu kepada kursus ini yang akan tidak memberi keyakinan, kepercayaan masa hadapan-nya. Dan suka juga saya menyentuh bersabit dengan Muzium dalam Kepala B. 15—Muzium.

Tuan Pengerusi: Muka?

Tuan Hussein bin Sulaiman: Muka 155. Jadi, Muzium saya pernah juga berchakap pada tahun² yang lampau, Muzium ini ada-lah satu tempat tumpuan ramai, tetapi dukachita-nya kerana orang² ramai daripada luar² bandar, daripada negeri² luar seperti Kelantan atau pun Pantai Timor tidak dapat-lah hendak hadir di-sini, kerana kebanyakan-nya tidak mampu. Jadi perkara ini telah di-kemukakan pada satu ketika dahulu kepada Menteri Muda sendiri bahawa di-Kuala Kerai ada sa-buah Muzium Mergastua yang di-penohi dengan binatang² hidup. Jadi beberapa kali di-rayu kepada pehak Menteri Muda supaya dapat sedikit bantuan, kerana saya memandangkan

Muzium Mergastua yang ada di-Kuala Kerai ini ia-lah sangat mustahak dan yang sangat berguna dan boleh beri kepujian-lah kepada pehak² yang berkenaan telah menyumbangkan tenaga mereka dengan sendiri, dengan tidak ada bantuan kepada pehak Kerajaan, chuma dengan bantuan sukarela-daripada orang ramai, maka dapat-lah kanak² sekolah dan orang² di-luar bandar di-kawasan Kuala Kerai dapat menyaksi beberapa binatang yang hidup, sebab-nya sa-tengah² murid² itu kenal dengan gambar sahaja tetapi dengan binatang hidup tidak pernah tengok, jadi perkara ini patut juga-lah jadi satu benda yang memberi faedah kepada kanak² sekolah dalam segi pelajaran-nya. Sekian-lah. Terima kasih.

Nik Abdul Aziz bin Nik Mat (Kelantan Hilir): Tuan Pengerusi, saya suka berchakap dalam muka 150, Butiran (72)—Guru U gama.

Tuan Pengerusi, saya meminta kepada pehak Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, merebut peluang segi ugama sa-bagaimana pehak Kementerian telah pun merebut peluang sukan, perkara² lain. Kita tahu bahawa kalau di-sebut kata belia, maka berarti-lah sa-jenis manusia yang hidup di-tengah² persimpangan jalan di-antara suka mengachau dengan tidak suka mengachau. Dengan demikian mengikut, ia-itu kajian ahli² ilmu masharakat, maka tidak ada satu perkara yang boleh menahan, atau boleh membentok kemahuan atau kebuasan belia itu lain dari ugama.

Engku Muhsein bin Abdul Kadir: Tuan Pengerusi, muka berapa dan Butiran berapa dia berchakap!

Tuan Pengerusi: Tolong terangkan di-bawah Butiran berapa.

Nik Abdul Aziz bin Nik Mat: Di-bawah muka 150, Butiran (72). Jadi saya minta kepada pehak Kementerian merebut benar² peluang berugama benar² dalam masa menjalankan latehan Belia Pelupor Negara ini. Oleh kerana belia² dalam negeri kita ini apabila kita pukul rata boleh di-bahagi

dua, ia-itu belia² berugama Islam dan belia² yang tidak berugama Islam, maka saya harap pehak Kementerian mengadakan latehan², atau pun kheimah² yang berlainan.

Bagi belia² yang berugama Islam saya harap segi ibadat tidak-lah perlu kita jadikan perkara nombor satu, kerana ibadat belia² ini telah di-ajar sa-waktu di-kampong² atau sa-waktu di-sekolah². Apa yang penting kita jadikan nombor satu untuk belia² yang berugama Islam ini, ia-lah menentukan chorak hidup, atau pun memberi perasaan supaya dia tahu tujuan hidup.

Terturut² daripada belia kita di-bandar² sudah tentu timbul-nya daripada tidak faham tujuan hidup, tidak tahu falsafah dan chorak hidup, mana yang perlu dia turut. Dengan yang demikian saya harap supaya pehak Kementerian jadikan chorak hidup itu satu latehan utama bagi belia² manakala pengajaran ibadat dan sa-bagai-nya. Itu boleh kita buat perkara yang kedua, kerana perkara² ini telah pun mereka itu lakukan di-kampong bersama² keluarga mereka.

Tuan Pengerusi, dalam waktu kita menjalankan atau kita memberi perasaan mengenai tujuan hidup atau mengenai falsafah hidup untuk belia ini kita boleh betulkan kedudukan perkara yang sudah di-timbulkan dalam Dewan ini baharu² ini, ia-itu masalah pakaian, pakaian mini-skirt dan sa-bagai-nya, yankee, James Bond dan sa-bagai-nya. Keluar-nya perkara ini daripada tidak ada satu pegangan hidup dalam jiwa pemuda, dengan sebab itu mereka terturut² apa sahaja yang nampak dalam filem² cowboy dan sa-bagai-nya, terus mereka turut. Jadi dalam masa ini, dalam masa khemah² yang kita buat untuk ugama ini-lah kita menentukan chorak hidup untuk di-beri latehan², atau pun nasihat² yang amat berguna kepada mereka itu dan dengan sendiri-nya masalah pakaian kerani, masalah pakaian pegawai, masalah itu dan ini tidak akan timbul lagi masa depan, kerana kita telah betulkan mereka itu dalam masa mereka itu menjadi belia dahulu.

Bagitu juga rayuan² yang timbul daripada sa-tengah² Ahli Dewan kita dahulu mengenai dengan Keristian. Banyak pemuda² Melayu masuk ugama Keristian, kerana pengaruh wang, pengaruh pangkat dan sa-bagai-nya.

Tuan Pengerusi: Saya suka hendak mengingatkan kepada Ahli Yang Berhormat, kita dalam Jawatan-kuasa ini membahathkan berkenaan dengan wang² perbelanjaan ini sahaja. Jadi, tepatkan perbahathan itu kepada wang ini—chukup-kah atau tidak cukup—kalau hendak beri pandangan sedikit boleh.

Nik Abdul Aziz bin Nik Mat: Ya, terima kaseh. Jadi saya harap wang² yang di-chadangkan di-sini itu boleh-lah pertama sa-kali kita gunakan wang itu nombor satu-nya kepada menentukan chorak hidup belia, ia-itu untuk belia yang Muslim. Bagi belia yang tidak Muslim kita perlu juga mengadakan chadangan wang untuk mereka itu supaya mereka itu faham benar² akan kepentingan ugama. Kita tidak minta daripada belia² kita ini berugama tujuan sa-mata² untuk menentang komunis sahaja mengikut style Eropah, ugama itu nampak-nya ia-lah sa-bagai alat untuk menentang komunis sahaja, tetapi kita mesti tahu ugama bukan tujuan untuk menentang komunis sahaja, tetapi untuk benda yang lebih daripada itu lagi. Dengan yang demikian saya harap pehak Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sokan membahagi dua, chara memberi didekan antara belia yang berugama Islam dan belia yang tidak berugama Islam.

Di-samping itu kita, kalau boleh, kalau rasa cukup wang kita, kita perlu mengadakan lagi satu diskusi, atau majlis perbahathan, berdebat di-antara belia² kita mengenai dengan ugama, mengenai ugama mana yang terbaik dan sa-bagai-nya. Sa-bagai merupakan saluran sa-chara terang dan jelas tidak sa-bagai propaganda atau di'ayah supaya belia² dalam negeri ini faham benar² arti Islam. Saya bimbang perkara ini, kerana banyak belia² kita telah membaca buku² yang di-tulis

oleh orang orientalist yang menyebabkan, usahkan orang² yang tidak beragama Islam pemuda² kita yang beragama Islam pun telah memandang serong kepada agama Islam sendiri. Dengan demikian saya harap pihak Kementerian memberi perhatian sa-benar² kepada perkara ini.

Sekian terima kaseh.

Tuan Abdul Karim bin Abu (Melaka Selatan): Tuan Pengerusi, saya suka mengambil bahagian menyokong di atas Peruntukan kepada Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sokan, tetapi peruntukan yang di-beri kepada Kementerian ini sa-rupa-lah dengan rakan² saya, saya berpendapat ada-lah sangat kecil jika di-bandingkan ramai-nya belia² di-dalam negeri kita ini. Hanya saya minta-lah kepada Kementerian Kewangan supaya dapat memberikan Peruntukan, menambahkan peruntukan kepada Kementerian ini, kerana dengan wang, baharu-lah Kementerian ini dapat bergerak untuk memimpin belia di-dalam negeri ini.

Tuan Pengerusi, saya berchakap di-muka surat 147, ia-itu Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sokan. Saya maseh tertanya² Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sokan, Che' Puan yang ada depan kita ini ada-kah kita hendak tinggalkan, ia-itu belia ini ada-kah termasuk perempuan? (*Ketawa*).

Engku Muhsein bin Abdul Kadir: Perempuan pun termasuk juga, Tuan Pengerusi.

Tuan Abdul Karim bin Abu: Jadi saya harap Yang Berhormat Menteri dapat berunding dengan Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka, tetapi ayat di-sini belia, ma'ana belia itu pemuda sahaja.

Tuan Pengerusi, saya menyokong sangat apa yang telah di-jalankan oleh Menteri Kebudayaan, Belia dan Sokan, kerana dalam masa sa-tahun yang saya tahu, dia telah bergerak bagi memajukan belia ini terutama sa-kali menubuhkan Belia 4B dan pada masa ini Belia 4B ini telah dapat mengawasi beberapa Negeri di-dalam Malaysia ini terutama sa-kali dalam negeri saya

di-Melaka telah pun menubuhkan Belia Negeri. Jadi ini-lah yang di-laong²kan oleh salah sa-orang wakil tadi supaya dapat Yang Berhormat Menteri pula menubuhkan, menetapkan satu dasar Belia Kebangsaan. Bagi pihak Belia 4B sedia berchantum dengan mana² badan belia, sa-umpama M.A.Y.C. atau lain². Ini-lah dasar Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sokan, pada pendapat saya dan kita akan berasa bangga nanti pada satu hari belia di-dalam negeri ini chuma ada mempunyai satu badan sahaja. Ini-lah tujuan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sokan.

Tuan Pengerusi, muka surat 152, Pechahan-kepala 12, peruntukan yang di-bagikan \$195,000. Saya tertarek hati kepada Kerajaan² Negeri—umpama Negeri Perak, Negeri Pahang—telah menguntukkan kepada belia² bagi berkebun. Jadi, saya berharap kepada Kerajaan² Negeri yang lain yang belum lagi mengadakan peruntukan di-dalam Undang² Tanah-nya, memberi kepada belia berhubung dengan tanah, dapat mengikut saperti Negeri² yang saya sebutkan itu dan saya lupa-lah negeri lain yang telah memberikan peruntukan tanah kepada belia², kerana ini-lah satu daripada jalan hendak meng-hilangkan penganggorean dalam negeri kita ini.

Tuan Pengerusi, muka surat 153, Pechahan-kepala 13—Bantuan kepada Badan² Sokan dan Menggalakan Sokan. Saya berharap kepada Yang Berhormat Menteri, bantuan² yang sa-rupa ini, supaya dapat memandang kepada anak² bumiputra yang ada di-jalankan, umpama-nya di-Melaka ada Kesatuan Permainan Melayu Melaka, atau lain² lagi. Ini juga saya harap mendapat peruntukan daripada bahagian ini, sebab kita tahu bagi pihak orang kita terutama sa-kali orang Melayu, sokan ini sangat di-gemari, tetapi alatan² sangat-lah kurang kerana kewangan.

Muka surat 153, Pechahan-kepala 15—Bantuan kepada Persatuan² Pengakap dan Pandu Wanita. Saya berharap sangat² kepada Yang Berhormat Menteri, bantuan yang ada \$215,750

ini, bantuan yang di-beri jangan-lah hendak-nya kepada badan² ini yang ada di-dalam bandar sahaja. Tolong-lah di-beri peruntukan kepada badan² pengakap yang di-luar bandar, umpama-nya di-daerah, kerana kami bagi pehak pengakap² yang ada di-daerah sangat-lah kurang mendapat kewangan. Saya tidak menafikan bantuan ini di-beri, tetapi kalau boleh di-lebihkan.

Akhir-nya, Tuan Pengerusi, saya berchakap pada muka 155, berhubung dengan Muzium. Kita patut memberikan tahniah kepada Kerajaan, lepas daripada kita merdeka, kita ada sa-buah Muzium Negara di-Kuala Lumpur. Tetapi bagi pehak kami di-Melaka maseh lagi dukachita memandangkan keadaan Muzium yang ada di-sana, kadang² payah pelawat² hendak menchari, dudok-nya terpenchil. Jadi, saya berharap dan saya menchadangkan di-sini supaya sa-buah Muzium baharu di-adakan di-Melaka, bukan hendak mengatasi yang ada di-Kuala Lumpur, tetapi di-baharukan. Tuan Pengerusi, sebab saya berkehendakan bagitu, Muzium ini ia-lah tempat pelawat², atau pelanchong² daripada luar negeri. Sa-tahu saya apa bangsa pun yang datang melawat negeri ini, dia turun di-Kuala Lumpur, atau di-Singapura, dia akan pergi ka-Melaka, kerana Negeri Melaka ini sa-buah negeri yang bersejarah, negeri yang tua dan terkenal dengan Hang Tuah, ada perigi Hang Tuah, ada tapak kaki Hang Tuah. Jadi, pelawat² atau pelanchong², dia berasa tidak sempurna lawatan dia ka-Malaysia ini, kalau dia tidak pergi ka-Melaka. Ada dengan ayer perigi Hang Tuah, kalau tidak minum, berasa tidak sempurna. Jadi, yang mendukachitakan Muzium kita di-Melaka ini sangat-lah kecil. Pada hal benda² sejarah banyak di-dalam Negeri Melaka. Jadi, ini-lah saya merayu kepada pehak yang berkenaan supaya mendapatkan satu peruntukan terutama sa-kali pada Menteri Kewangan sendiri yang Negeri Melaka ini, negeri dia dan sejarah Negeri Melaka dia pun tahu sama, patut dia dapat memberikan peruntukan wang bagi membena sa-buah Muzium, kerana ini satu daripada-nya

akan menambah hasil negara terutama Negeri Melaka sendiri, negeri yang kecil.

Tan Sri Fatimah binti Haji Hashim (Jitra-Padang Terap): Tuan Pengerusi, berchakap pada Bekalan 14—Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sokan. Saya ingin juga mengambil bahagian sama untuk kemukakan apa yang saya fikir menasabah untuk di-pertimbangkan oleh Kementerian ini. Dan saya juga ada-lah bersama² dengan sahabat² saya tadi menyokong atas peruntukan Kementerian ini dan saya tidak-lah hendak minta di-tambah, memadai-lah apa yang telah peruntukan.

Apa yang saya minta, ia-lah bagaimana sahabat² saya juga ia-itu perbaiki pentadbiran Kementerian ini terutama dalam usaha kita memberi bimbingan kepada pemuda² negeri ini yang akan bakal menguasai negeri kita yang di-kasehi ini di-dalam semua segi lapangan. Tuan Pengerusi, satu lagi yang saya hendak kemukakan di-sini, sungoh pun tahun² yang lepas banyak sahabat saya dan baharu sekejap tadi juga telah mengemukakan perkara ini ia-itu penari² yang di-anjorkan.

Tadi Ahli Yang Berhormat dari Melaka Utara telah minta supaya penari² kebudayaan itu hendak-lah memakai kasut. Tuan Pengerusi, saya ada-lah berserta bagaimana yang di-shorkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Melaka Utara, ia-itu supaya penari² sama ada yang di-anjorkan oleh Kerajaan atau bersendirian, terutama sa-masa Kerajaan mengadakan Jamuan² Negara, menunjukkan tarian² kebudayaan. Rasa saya, telah sampailah masa-nya, kita ini membuat perubahan dengan memandangkan keadaan hari.

Tuan Ahmad bin Arshad: Tuan Pengerusi, saya minta penjelasan.

Tuan Pengerusi: Dia hendak minta penjelasan.

Tan Sri Fatimah binti Haji Hashim: Saya tidak suka bila saya berchakap di-kachau². Masing² ada hak, ada peluang. Tuan Pengerusi, kalau kita bandingkan zaman sekarang telah berubah, kita mengadakan hidangan²

terutama hidangan negara itu di atas meja dan orang yang hendak makan pun duduk di atas kerusi dan kalau hendak melihat tarian², kita duduk-lah bersandar² di-kerusi². Dahulu ia-lah dengan tidak berkasut, kerana kita menghormati orang² yang duduk makan bersila di bawah itu. Jadi, itu-lah saya harap, memandangkan hari ini sesuai jika di-bandingkan zaman serba maju, berkehendakkan perubahan yang mana saya dapat mithal-nya nama tarian², pakaian² pun telah banyak di-ubah, kadang² hendak di-katakan baharu bukan-nya baharu, hendak katakan lama bukan-nya lama pakaian itu, ta' dapat hendak kita teka. Jadi rasa saya molekulah dengan masa-nya, ini saya chakap dengan *serious*, Tuan Pengerusi, kenapa saya telah ta' tahan telinga, asal ada sahaja kita buat Jamuan² Negara ada-lah bisekan² kirikan mengatakan kenapa lagi ta' di-ubah, ta' pakai kasut penari² kita itu sesuaikan keadaan hari ini, pakaian² mereka itu ada yang dapat di-ubah dan nama² tarian itu, ini-lah yang hendak saya sampaikan, Tuan Pengerusi, terima kasih.

Tuan Haji Hussain Rahimi bin Haji Saman (Kota Bharu Hulu): Tuan Pengerusi, saya memandangkan kapada masa sudah singkat, saya hendak berchakap sedikit sahaja. Sa-kali pun benda yang saya hendak chakap ini telah di-chakapkan oleh saudara saya baharu tadi. Saya hendak berchakap B. 14 muka surat 150, Butiran (72)—Guru Ugama. Saya tengok estimate tahun dahulu dengan tahun ini ta' ada berubah sedikit pun \$3,024 dalam tahun 1967, dan tahun 1968 sama. Jadi saya suka-lah menarek perhatian kapada Menteri Yang Berhormat tolong-lah memikir sama di-dalam keadaan

Engku Muhsein bin Abdul Kadir: Tuan Pengerusi, saya tidak mengikuti tadi boleh-kah beliau beri tahu, muka dan bilangan berapa?

Tuan Pengerusi: Muka 155.

Tuan Haji Hussain Rahimi bin Haji Saman: Tuan Pengerusi, muka 150, Butiran (72)—Guru Ugama \$3,024.

Tuan Pengerusi: Muka 150.

Tuan Haji Hussain Rahimi bin Haji Saman: Tuan Pengerusi, ya. Tahun 1967 tahun, 1968 sama sahaja. Jadi saya suka bagi tahu kapada Menteri Yang Berhormat tolong-lah memikir dalam segi ugama ada banyak lagi benda yang boleh di-buat, sedangkan saya perhati di-dalam buku itu hendak mencharikan benda yang sa-imbang dengan ugama ini ta' dapat pun yang menyamakan.

Muka surat 153 Pechahan-kepala 25—Pekerja Perusahaan dan Buroh Kasar itu pun \$7,830. Tetapi tahun 1967 \$5,945, tahun 1968 sudah meningkat kapada \$7,830. Erti-nya Yang Berhormat Menteri ini ada memandang kapada benda² yang tidak menchukupi, tetapi dalam segi ugama sudah rasa menchukupi dan memadai. Amat-lah di-kesali kedudukan yang sa-umpama ini.

Tuan Pengerusi, patut-nya kalau-lah tidak menchukupi dengan \$3,000,000 lebeh yang di-untokkan kapada Yang Berhormat Menteri, maka patut-lah chari jalan untok di-tambah, pehak kami di-sini menyokong sahaja. Tetapi buat perimbangan yang sama dalam segi ugama itu ada-lah hak kita beramai². Khutub-khanah patut di-adakan kapada belia yang akan hendak jadi dewasa besok dengan sebab tidak ada chadangan kapada kita masa² yang lampau, chuba-lah kita perhati dan kita merenong balek kapada perkara² yang akan beliau besok akan di-adakan dalam bandar Kuala Lumpur ini ia-itu perjumpaan Alim Ulama' untok membentangkan masaalah zakat fitrah itu dan ini, sedangkan perkara yang sa-umpama ini kalau-lah ada Khutub-khanah banyak² Khutub-khanah Ugama Islam maka tidak-lah begitu sa-kali menjadi bercherais berai di-antara kita. Perkara yang sa-umpama ini ada-lah perkara yang tidak begitu penting. Walau bagaimana pun, suka-lah saya sebutkan di-sini sa-kali lagi pehak Menteri Yang Berhormat tolong mengambil berat dalam perkara yang sa-umpama ini. Dengan ini-lah jadi Menteri kita selamat, dengan ini-lah jadi ra'ayat kita bertuah kemudian hari. Ini-lah sahaja yang saya hendak berchakap pada hari ini.

Saya pun chukup menimbang rasa kapada keadaan masa yang bagitu untok hendak mementingkan masa, Tuan Pengerusi pun nampak-nya sudah memikirkan keadaan kita ini telah berpanjangan. Sekian-lah.

Engku Muhsein bin Abdul Kadir: Tuan Pengerusi, untok menggulong perbahathan pada Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sokan dan Mu- zium, saya suka-lah menguchapkan ber- banyak² terima kaseh kapada Ahli² Yang Berhormat yang telah banyak sa- kali memberi pandangan² yang saya perchaya sa-lain daripada beberapa perkara yang barangkali mustahak di- bahathkan, banyak pula daripada-nya itu terpaksa, saya perchaya Ahli² Yang Berhormat itu kaji dan menyelideki. Jadi atas kesungguhan atau pun pan- dangan berat yang di-beri oleh Ahli² Yang Berhormat dalam membicharakan soal² Kementerian Kebudayaan dengan satu anggaran perbelanjaan yang boleh di-katakan paling kechil sa-kali itu menandakan bahawa keinsafan Ahli² Yang Berhormat kapada peranan Ke- menterian Kebudayaan Belia dan Sokan ini sangat-lah besar. Walau macham mana pun saya suka-lah hendak mena- rek perhatian Ahli² Yang Berhormat oleh kerana dalam beberapa pandangan² yang di-berikan itu saya nampak ada berbangkit kekeliruan terutama sa-kali ia-lah tentang tanggung-jawab² yang sa-benar-nya yang menjadi tanggung- jawab Kementerian ini. Jikalau kita dengar daripada apa yang di-uchapkan oleh sa-paroh² Ahli² Yang Berhormat tadi ada-lah sa-olah²-nya Kementerian saya ini sa-buah Kementerian yang sa- lain daripada menjaga hal² yang men- jadi tanggung-jawab kita, ia-itu yang telah di-tentukan mengikut *Gazette* bertarikh 16 haribulan May, 1964 L.N. No. 143 ia-itu tanggung-jawab, saya suka-lah membachakan untok ma'lu- mat Ahli² Yang Berhormat ia-itu-lah tanggung-jawab kita mengenai Art Gallaries, hal² kebudayaan, bantuan kapada sokan—saya ulang balek ban- tuan kapada sokan, bantuan kapada kebudayaan dan pameran, Stadium, Negara, dan Stadium Merdeka di- bawah tanggung-jawab Kelab² Belia, Hostel, Boy Scouts dan Girl Guides, gerakan² belia yang bukan politik dan

persamaan kerja² badan² sokan dan kebudayaan. Tetapi apa yang di-sebut- kan tadi mithal-nya atas soal pekerjaan kapada belia, soal ranchangan² latehan pelajaran kapada belia dan sa-bagai- nya, jikalau kita perhatikan kapada perkara² ini

Tuan Pengerusi: Saya suka-lah hendak bertanya kapada Menteri Muda supaya kita berehat sa-kejap.

Persidangan di-tanggohkan pada pukul 5.20 petang.

Persidangan di-sambong sa-mula pada pukul 5.45 petang.

Majlis Meshuarat menjadi Jawatan- kuasa Perbekalan.

(Tuan Yang di-Pertua mpenge- rusikan Jawatan-kuasa)

Perbahathan di-sambong sa-mula.

Engku Muhsein bin Abdul Kadir: Tuan Pengerusi, bagi menyambong apa yang saya uchapkan tadi, dengan memandangkan kapada subject² atau pun tanggung-jawab² yang saya bacha- kan tadi, yang menjadi tanggung- jawab Kementerian ini, maka dengan itu saya perchaya tentu-lah Ahli² Yang Berhormat sedar bahawa dalam be- berapa perkara yang memang perkara itu baik tidak-lah dapat Kementerian ini menjalankan-nya—ini bukan-lah hendak melepaskan diri—tetapi oleh kerana keadaan itu ia-lah di-luar daripada tugas² yang menjadi tang- gong-jawab atau pun subject kapada Kementerian ini. Sa-lain daripada itu pula sa-bagaimana yang di-ketahu² Kementerian ini sedar ia-itu sa-buah Kementerian yang sangat kechil kalau di-banding dengan Kementerian² yang lain, peruntukan perbelanjaan-nya san- gat kechil sa-kali. Ini bukan-lah bererti yang pehak Kerajaan itu memandang kechil kapada peranan Kementerian ini, tetapi terutama sa-kali ia-lah oleh kerana Kementerian ini satu Kement- erian yang baharu, walau pun telah tiga tahun sa-tengah, tetapi di-bandingkan dengan Kementerian yang lain ada-lah sangat baharu. Sebab itu tentu-lah pehak Kerajaan terpaksa mengawasi perkara² ini, walau pun pada diri saya sendiri atau pun Ahli² dalam Kemen- terian, kaki-tangan² dalam Kementerian

ini sangat berharap dan telah pun mengemukakan anggaran² perbelanjaan yang boleh di-katakan sa-kali ganda lebeh banyak daripada apa yang di-luluskan ini, tetapi dengan menginsafi bahawa tiap² yang kita minta itu tidaklah mesti 100 peratus kita dapat dan dengan menginsafi pula kedudukan² kewangan yang di-hadapi oleh Kerajaan pada masa ini, maka hanya inilah yang dapat di-bentangkan sa-telah di-luluskan oleh Kabinet. Jadi, dengan itu saya harap-lah Ahli² Yang Berhormat menginsafi perkara ini dan saya ucapkan terima kaseh atas pandangan² supaya di-beri lagi tambahan wang kapada Kementerian ini, dan saya berharap hal ini akan menjadi ingatan dan panduan pula-lah kapada pegawai² dan lain² pehak yang menentukan soal² kewangan tiap² Kementerian apabila tiba masa dan tempohnya.

Ahli Yang Berhormat dari Rawang terutama sa-kali memberi pandangan supaya dasar belia yang berkebulatan dan integrasi di-adakan oleh kerana pada pandangan-nya itu belum di-adakan lagi. Ini sa-benar-nya Ahli Yang Berhormat telah juga membuat soalan; saya lupa sama ada Bertulis, atau Mulut dalam sidang ini juga dan telah di-beri jawapan. Pada pandangan Kementerian ini dasar kebulatan itu memang telah ada oleh kerana dasar Kerajaan ia-lah hendak menjadikan belia² kita itu bersatu padu; semua belia², semua keturunan kaum itu bersatu padu dalam satu perasaan belia Malaysia. Dan chara² itu ia-lah melalui, kalau boleh penyatu-panduan dalam satu gabungan Majlis Belia yang besar di-mana persatuan² belia bersifat chorak kebangsaan yang tertentu dapat di-gabungkan. Tetapi dalam masaalah hendak menggabungkan persatuan² belia yang bersifat kebangsaan ini di-mana Ahli Yang Berhormat dari Rawang itu sendiri menyedari bukanlah satu perkara yang senang oleh kerana sa-bagaimana di-ketahui Ahli Yang Berhormat dari Rawang itu juga sangat mengambil berat dan mempunyai satu jawatan yang penting dalam Gerakan Belia Kebangsaan di-negara kita ini. Maka apa yang di-harapkan ia-lah dengan kerjasama Persatuan² Belia Kebangsaan seluroh

negara termasuk-lah Ahli Yang Berhormat itu sendiri dapat-lah hendaknya satu kesimpulan yang lebeh kemas dapat di-adakan dan ini sa-bagaimana di-ketahui pada minggu ini telah-lah dapat dengan kerjasama daripada Ahli Yang Berhormat itu juga satu Persidangan Ketua² dan Setia-usaha² Persatuan² yang bertaraf kebangsaan di-adakan. Dan saya harap-lah sa-telah begitu lama sa-kali menjalankan proses untuk mendapatkan persefahaman ini dapat di-adakan, maka mulai daripada sekarang, daripada minggu ini dapatlah semangat baharu di-masokkan dan dengan kerjasama semua pehak daripada Ahli Yang Berhormat dari Rawang, daripada Ketua², Setia-usaha², Jawatan-kuasa serta pemimpin² belia di-dalam semua Persatuan Kebangsaan itu dapat-lah mengemukakan terutama sa-kali kapada Kementerian ini pandangan yang bulat, bukan hanya pandangan daripada mithal-nya, daripada persatuan M.A.Y.C., daripada persatuan Young Workers dan sa-bagai-nya, tetapi satu pandangan bulat yang dengan itu boleh-lah kita pegang apa yang sa-benar di-kehendaki oleh semua golongan belia, bukan hanya satu bilangan Boy Scouts sahaja atau M.A.Y.C. sahaja; itu yang mustahak dan ini nampak-nya jikalau tidak ada halangan yang besar dapat di-atasi tidak berapa lama lagi.

Yang kedua-nya, Ahli Yang Berhormat dari Rawang memberi pandangan tentang ada ranchangan² yang telah memang di-buat oleh Persatuan Belia kenapa pula di-ulang balek atau pun di-buat juga oleh pehak Kementerian. Saya suka menyatakan memang pehak Kementerian tidak berniat hendak membentok atau menghalang, apa-tah lagi hendak mematahkan ranchangan² yang di-buat oleh persatuan² belia. Kita lebeh memberi perangsang oleh kerana kita mahu Persatuan Belia itu berdiri atas kaki sendiri dan jika mereka itu boleh buat atas tenaga mereka sendiri tidak-lah mustahak bagi pehak Kementerian atau pun pehak Kerajaan menambahkan lagi. Tetapi apa yang menjadi perkara sekarang ini ia-lah memang betul ada ranchangan² seperti yang di-anjorkan oleh Persatuan Kelab² Belia Malaysia atau M.A.Y.C.

dengan mengadakan Pesta Belia beberapa tahun yang lampau dan hasilnya sangat² menarek hati. Sa-benarnya, sa-belum ada-nya Kementerian ini pun M.A.Y.C. ini telah memberi jasa² dan bakti² yang besar dalam lapangan belia, tetapi; ada tetapi-nya, Tuan Pengerusi oleh kerana M.A.Y.C. ini walau pun persatuan yang besar mempunyai ahli² 40,000 orang mengikut kata Ahli itu, ada lagi kelab² belia lain yang kalau kita champor pula Boy Scouts, Girl Guides dan berbagai² persatuan lagi mempunyai pula anggota mithal-nya sa-banyak 80,000 orang yang maseh belum bergabung. Jadi, apabila ada pesta di-anjorkan oleh M.A.Y.C. ada persatuan² di-luar itu barangkali segan, atau pun tidak begitu hendak champor. Jadi, sebab itu-lah sa-bagai satu Kementerian yang bertanggung-jawab kepada semua kelab² belia yang tidak kira apa rupa dan jenis itu, kita anjorkan-lah pula sa-bagai memberi peluang kepada persatuan² lain termasuk pula M.A.Y.C. Dan kalau-lah sa-kira-nya di-fikirkan perkara ini hanya menjadi satu salinan atau duplicate sahaja boleh kita bahathkan bersama, kerana saya terus terang mengatakan Kementerian ini tidak mempunyai banyak kewangan. Jadi sa-berapa yang dapat boleh di-jimatkan memang-lah kita hendak jimatkan chuma apa yang kita buat itu sa-bagai menyahut seruan atau permintaan, permohonan (appeal) yang di-buat oleh sa-paroh persatuan² di-luar M.A.Y.C. supaya mereka itu juga di-berikan kesempatan, dan chara yang kita buat pun barangkali ada berlainan sedikit oleh kerana apa yang kita buat itu sa-benar²-nya di-bawah anjoran seksi kebudayaan, bukan anjoran seksi belia, ia-itu chabang kebudayaan kita menganjorkan kepada badan² kebudayaan. Apa yang kita telah buat tahun lepas pesta tarian dan lain² itu kepada badan² tarian yang bukan hanya terdiri daripada persatuan² belia, tetapi juga persatuan² yang di-anggotai oleh orang tua², tetapi sudah tentu-lah biasa-nya soal² tarian dan sa-bagai-nya kebanyakan-nya 80% atau lebih terdiri ahli²-nya daripada orang² yang terdiri daripada golongan belia. Itu-lah kedudukan yang sa-

benar-nya supaya tidak menjadi kesilapan dalam perkara ini.

Berkenaan dengan soal latehan² yang di-adakan oleh Kementerian ini saya agak latehan yang di-adakan di-Pusat Latehan Belia, Pertak, tidak begitu memberi puas hati. Pertama sekali perkara yang menjadi soal besar ia-lah soal masa yang boleh kita berikan kepada peserta² itu untuk menerima latehan. Kebanyakan daripada peserta² itu terdiri daripada sama ada pegawai² Kerajaan, guru² atau pun orang² yang bekerja dengan badan² perniagaan. Mereka itu tidak-lah senang hendak mendapat chuti yang lebih daripada masa yang di-tentukan, oleh sebab itu pada masa² yang lampau kita hanya dapat mengadakan kursus² yang tidak lebih daripada tiga minggu memandangkan kebanyakan daripada peserta² yang tersebut itu dapat chuti sama ada Kerajaan atau pun badan² perniagaan yang mereka bekerja tidak lebih daripada itu. Tetapi kita berharap mulai bulan April tahun ini kita dapat mengadakan sa-bagai perhubungan kursus² yang memakan masa lebih lama lagi, buat permulaan-nya lebih kurang sa-lama tiga bulan bahkan bagi golongan wanita pun telah kita chuba enam bulan yang lampau, dan kalau tidak salah tiga kursus telah di-jalankan memakan masa tiga bulan. Pihak wanita senang sedikit kita adakan, oleh kerana kebanyakan wanita² kita itu tidak-lah sa-bagaimana kaum belia atau kaum laki², mereka itu ada pula yang maseh tidak bekerja atau pun lepasan sekolah, tetapi maseh menunggu² ketika-nya sama ada hendak jadi suri-rumah-tangga atau pun sa-paroh-nya memang boleh meninggalkan rumah dengan tidak banyak bertanggung-jawab ada anak isteri dan sa-bagai-nya. Jadi, perkara ini-lah yang susah dan sukar bagi Kementerian ini hendak mengatasi-nya. Kita menyedari akan kekurangan² ini. Jadi, kita haraplah dengan perhubungan yang kita akan buat tidak berapa lama lagi dapat-lah mengatasi satu daripada perkara yang besar ini.

Sa-lain daripada itu pula kita sedar memang-lah barangkali latehan² itu tidak begitu chukup memberi puas

hati, tetapi soal yang besar sa-kali ia-lah hendak mengadakan pula juru² lateh (instructor) dan lain²-nya lebeh ramai. Jadi apabila kita hendak ada-kan instructor, pensharah dan lain² lagi itu kena-lah pula kita tambah anggota² kaki-tangan dalam bahagian ini. Jadi, ini-lah satu perkara juga yang kita sentiasa hadapi dengan Perbendaharaan oleh kerana Perbenda-haraan bertugas untuk menjimatkan wang negara, maka apabila kita kadang² minta soal² begitu tidak dapat mereka itu menyokong oleh kerana bukan mereka itu barangkali tidak setuju, tetapi keadaan² kewangan kita begitu rupa pada hari ini tidak meng-izinkan perkara² begitu untuk di-beri keutamaan. Kementerian ini, saya terus terang mengatakan jika di-bandingkan dengan Kementerian² Pelajaran dan Kementerian Kesihatan kududukan kami dari segi keutamaan-nya di-bawah, oleh kerana sudah tentu saya sendiri bersetuju, walau pun saya menjaga Kementerian ini, pelajaran, sekolah, kesihatan, hospital dan sa-bagai-nya—itu yang paling utama sa-kali, sebab itu-lah kita tidak hairan lihat kalau tidak salah suku daripada perbelanjaan ini kepada sekolah². Jadi, kami sedar keadaan itu walau pun mustahak, tetapi ada yang lain musta-hak lagi, kena-lah kita berundur diri, di-harap satu masa keadaan mengizin-kan dapat di-atasi perkara itu.

Ahli Yang Berhormat dari Rawang juga minta kita memikirkan dengan sa-chara sunggoh² akan keadaan pe-nganggoran yang di-hadapi oleh kaum belia, keadaan pelajaran² untuk mem-beri latehan yang lebeh lagi kepada belia² lepasan sekolah rendah yang tidak dapat menyambong pelajaran dan sa-bagai-nya. Ahli Yang Berhor-mat menchadangkan patut di-tuboh-kan, kalau saya tidak salah satu badan untuk merangka perkara² bagini. Ini saya katakan tadi tugas kita apa yang di-beri dan di-setuju oleh Kabinet ia-lah yang saya bachakan tadi tidak-lah masok sa-bagai satu Employment Exchange dan sa-bagai-nya, tetapi saya sedar perkara ini satu perkara yang besar, dan kata orang pula kadang² saya bangkit di-sini saya melepaskan diri, barangkali. Menteri Buroh besok

datang berchakap melepaskan diri pula, tidak kena juga. Saya sedar perkara itu. Ini tanggungan bersama Kerajaan, tetapi dengan keadaan² yang jadi perkara ini tidak dapat-lah kita sa-bagai satu Kementerian terus me-nentukan sikap dalam soal ini, hanya apa yang kita boleh buat ia-lah berunding dengan Kementerian² yang lain, sama ada Kementerian Pelajaran dan Kementerian Buroh untuk meng-atasi perkara ini. Dan saya di-beritahu Kementerian Buroh, walau pun barangkali sekim itu tidak begitu ka-hadapan lagi sedang memikirkan dengan serious juga soal² bagini.

Ahli Yang Berhormat itu juga memberi pandangan supaya semua segi ranchangan itu di-dasarkan kepada multi-racial kepada tujuan menyatu-padukan belia² ini dengan tidak mengi-ra keturunan masing². Ini memang-lah menjadi matlamat Kerajaan dan kita di-mana² juga yang kita dapat chuba, kita anjorkan supaya keadaan bagini di-jalankan. Dan Alhamdu lillah, saya perhatikan dalam masa² yang akhir ini, kalau mithal-nya, tahun 1964 atau 1965 saya pergi melawat sa-paroh² kelab itu terutama di-kampung² itu terlampau berat sangat-lah rasa chara persendirian, persaorangan mereka dengan gulungan mereka itu, tetapi pada masa yang akhir² ini tahun 1967 dan pada masa sekarang ini nampak-nya telah beransor², ada pandangan yang lebeh luas dalam perkara bagini, tetapi kalau hendak di-paksa dengan sa-kali gus memang tidak boleh-lah oleh kerana pertama sa-kali Kerajaan kita yang ada pada hari ini menjalan-kan demokrasi, kita tidak dapat hendak buat sa-bagaimana sa-paroh² Kerajaan sama ada Kerajaan yang jauh daripada kita, atau boleh jadi negeri yang berhampiran atau tetangga kita yang menjalankan dasar² belia-nya mengikut chara fikiran Kerajaan yang ada di-negeri itu. Jadi, chara kita sa-lagi berdasarkan demokrasi ber-parlimen dengan chara yang ada ini kita membebaskan persatuan belia itu dengan chara sendiri, dengan syarat tidak-lah berlawanan dengan kepen-tingan negara, sa-lagi itu mereka berjalan kita chuba biarkan-lah, tetapi jika ada nampak tanda² yang boleh

merosakkan, maka pehak Kerajaan saya perchaya dengan tidak segan² untuk mengambil tindakan mengatasi perkara² bagitu.

Ahli Yang Berhormat dari Kuala Trengganu Utara pula memberi pandangan terutama sa-kali lapangan sokan, ia-itu beliau menyesali akan keadaan² yang berlaku di-SEAP Games di-Bangkok baharu² ini dan kemundoran kita dalam lapangan sokan sa-waktu pertandingan itu dan beliau juga menyesali akan sikap kita menghantar terlampau ramai peserta² dengan tidak memandang kapada mutu-nya, tetapi memandang kapada bilangan, juga kejadian² menghantar terlampau ramai official, mengikut kata beliau ada kadang² satu² team yang berkenaan itu menghantar sampai satu pertiga daripada-nya official. Jadi, saya tidak tahu-lah kedudukan ini sa-benar-nya, chuma yang saya hendak menerangkan terutama sa-kali yang menghantar rombongan ka-SEAP Games di-Bangkok itu bukan-lah Kementerian ini; ini ia-lah di-hantar oleh Olympic Council dengan chara² pemilihan-nya sendiri, yang bukan di-buat oleh Kementerian ini, tetapi walau macham mana pun saya perchaya-lah pehak Olympic Council mengambil perhatian yang berat dalam perkara itu, dan sebab itu-lah jika Ahli Yang Berhormat itu mengikut akan perkembangan yang akhir ini Yang Amat Berhormat Tun Haji Abdul Razak yang menjadi Pengerusi Olympic Council ini sendiri telah mengambil usaha dengan menchari jalan untuk menyelideki dengan sa-sunggoh²-nya akan kekurangan ini. Dan satu daripada langkah-nya ia-lah dengan melantek Setia-usaha Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sokan ini mempengerusikan satu Jawatan-kuasa untuk menyelideki akan chara² bagaimana hendak mengatasi kesulitan itu dan untuk menyamakan kelayakan² untuk menghadapi sukan Olympic akan datang. Di-harap melalui Jawatan-kuasa bagini yang di-anggotai oleh beberapa pegawai² sokan yang terkemuka dalam lapangan masing² dapat-lah satu laporan yang kemas di-kemukakan kapada Olympic Council dan dengan Kerjasama pehak Olympic Council dan Kementerian ini dapat-lah

di-buat satu rancangan yang membena untuk mengatasi perkara bagini. Memang-lah pehak Olympic Council dan Kementerian ini sedar bahawa soal yang besar dalam sukan ini bukan-lah soal quantity atau banyak-nya rombongan di-hantar, tetapi soal mutu atau pun darjah ahli² sokan yang di-hantar itu yang mustahak. Walau pun kecil, tetapi seperti chili padi walau pun kecil, kadang² lebeh pedas daripada chili yang besar.

Jadi kita harap-lah dengan kerjasama semua pehak, perkara bagini akan dapat sedikit sa-banyak di-atasi dan saya bersetuju, ia-itu satu semangat patriotic, semangat kesateria mustahak di-masokkan sunggoh² kapada ahli² sokan kita. Bukan bererti pada hari ini ahli sokan kita tidak mempunyai semangat chinta tanah ayer yang penoh, tetapi saya rasa mustahak-lah jikalau sudah ada sekarang ini di-sekali gandakan lagi, oleh kerana sa-lain daripada kekuatan juga semangat mahu menang kerana negara itu mustahak di-masokkan betul². Saya perhatikan kadang² lapangan sokan ini saya tidak bagitu ketahu² sangat, sebab saya ini bukan ahli sokan, chuma bertanggung-jawab kapada Kementerian ini, tetapi satu semangat dedicated kapada satu² jenis sokan itu dan juga semangat hendak menaikkan nama negara masing² itu jikalau betul² dapat di-masokkan dalam sanubari dapat sa-kali ganda lagi menguatkan kecekapan dan ka-sunggohan ahli² sokan itu untuk maju ka-hadapan. Dan ini telah banyak di-tunjokkan oleh ahli² sokan seperti yang saya perhatikan daripada pasukan negeri Jepun, Thailand dan lain² lagi, yang saya rasa ahli² sokan daripada Malaysia kita ini dapat menjadikan satu panduan.

Berkenaan dengan Hari Pemuda beliau menganjorkan supaya Kerajaan mengadakan Hari Pemuda. Dan ini anjoran sa-benar-nya bukan daripada Ahli Yang Berhormat dari Kuala Trengganu Utara sahaja, kalau tidak salah ada dua tiga orang Ahli² Yang Berhormat lagi memberi pandangannya. Jadi perkara ini sa-benar-nya Yang Berhormat Menteri Kebudayaan

telah beberapa kali memberi tahu ia itu pehak Kementerian memang ber-setuju ada-nya Hari Pemuda ini dan bergantung kepada pengesahan daripada Kabinet mengikut apa yang di-ucapkan oleh Yang Berhormat Menteri itu hal pemuda ini di-chadangkan pada 31hb Julai pada tiap² tahun. Jadi apa yang kita harapkan sekarang ini, mulai daripada sekarang ini dapat-lah di-buat langkah² untuk merayakan hari itu dengan satu tujuan, bukan hanya untuk bermain² atau hanya bersuka², satu tujuan Hari Pemuda itu dapat kita jadikan satu hari di-mana pemuda-pemudi dapat sungguh² insaf akan tanggung-jawab-nya kepada bangsa dan juga insaf akan tujuan² untuk menyatu padukan pemuda-pemudi Malaysia ini sa-bagai satu gulungan belia Malaysia yang sungguh² bersatu-padu.

Berkenaan dengan pelupor, Ahli Yang Berhormat dari Kuala Trengganu Utara memberi sungutan Jurulateh² Jepun yang datang ka-sini itu tidak pandai bahasa Melayu atau Inggeris dan sebab itu susah hendak memberi latihan dan beliau merasa mushkil kenapa pegawai² kita sa-waktu memi-leh pegawai² itu tidak memastikan tentang kebolehan bahasa oleh instructor² itu. Saya suka hendak menyatakan yang pertama sa-kali instructor itu bukan-lah anggota Kementerian ini. Instructor² Jepun itu sekarang ini ada enam orang, satu di-Kuala Kubu dan lima di-Angkatan Pelupor di-Dusun Tua. Mereka itu di-hantar dengan sa-chara sukarela oleh pehak Agency Kerjasama Bantuan Teknik Seberang Laut Jepun (Overseas Technical Co-operation Agency (O.T.C.A.)) ia-itu lebeh kurang sama dengan Peace Corps Kerajaan Amerika Sharikat. Jadi mereka itu di-pilih oleh Agency ini sa-telah di-beri latihan, bukan-lah kita yang memi-leh-nya itu. Walau pun pehak Kementerian ini ada memberi pandangan supaya jikalau boleh latihan² dalam Bahasa Kebangsaan ini mustahak di-beri. Dan sa-bagai langkah-nya saya di-beritahu, sa-benar-nya sa-belum daripada mereka itu datang ka-sini untuk beberapa bulan mereka itu di-beri, di-chuba-lah ajar dalam pelajaran Melayu, tetapi

ma'alum-lah sa-bulan dua itu tidak-lah begitu senang dan pula datang ka-sini untuk practical itu mereka terpaksa memakan masa. Jadi sa-bagai langkah-nya sekarang ini pada tiap² malam instructor ini ada di-beri latehan Bahasa Kebangsaan di-Pusat Belia Kampong Pandan, Kuala Lumpur.

Saya berterima kaseh atas kepujian yang di-beri oleh Ahli Yang Berhormat dari Kuala Trengganu Utara berkenaan dengan Majallah Pemimpin dan saya harap-lah Pemimpin ini dari samasa ka-samasa akan betul menjadi pimpinan kepada belia² kita. Beliau meminta pula supaya ranchangan belia dalam TV itu di-ambil perhatian berat dan ini sa-lain daripada yang di-bangkitkan oleh Ahli dari Kuala Trengganu Utara juga kalau tidak salah saya di-bangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Ulu Kelantan dan kalau tidak salah ada satu dua Ahli lagi. Sa-benar-nya TV ini bagaima-na saya bangkitkan waktu perbahathan tadi ia-lah di-bawah Kementerian Penerangan yang bukan menjadi tanggung-jawab saya. Tetapi walau macham mana pun memang-lah Kementerian ini berusaha bekerjasama dengan Kementerian Penerangan dalam perkara apa yang boleh kita buat. Chuma-nya kita sendiri tidak mempunyai pegawai² kita sendiri yang boleh mengemukakan programme² yang banyak kepada TV. Jadi sebab itu apa programme yang di-kemukakan oleh TV sekarang ini ia-lah yang di-buat oleh pegawai² mereka di-bawah Jabatan TV yang dudok-nya di-bawah Kementerian Penerangan. Walau macham mana pun mulai daripada minggu ini pehak Kementerian ini chuba berusaha mengeluarkan satu programme pada tiap² minggu sa-bagai anjoran Kementerian ini yang saya harap programme itu akan dapat-lah sa-chara permulaan, kalau pun tidak begitu 100% dapat sa-bagai permulaan-nya mengatasi perkara² yang di-mushkilkan oleh Ahli Yang Berhormat itu.

Berkenaan dengan Muzium Ahli Yang Berhormat dari Kuala Trengganu Utara minta supaya hasil² atau relics yang ada pada kita di-saberang laut

dan sa-bagai itu di-bawa kembali, maka perkara ini ada-lah di-ambil perhatian.

Ahli Yang Berhormat dari Port Dickson pula minta supaya di-adakan Youth Week. Jadi saya sudah jawab kepada Ahli dari Kuala Trengganu Utara tadi, sama-lah jawapan-nya itu. Beliau juga meminta supaya di-adakan rombongan kebudayaan untuk melawat negeri² terutama negara² tetangga dan juga menjemput rombongan daripada luar kasin². Sa-benar-nya memang-lah pehak Kementerian ini ada chuba hendak menghantarkan rombongan² sa-chara bagini, tetapi apabila hendak menghantarkan satu rombongan kebudayaan bukan-lah senang oleh kerana biasa-nya jumlah bilangan itu terlampau besar sa-rendah²-nya tidak kurang daripada 40 orang. Oleh kerana sa-lain daripada penari yang barangkali jumlah-nya antara 15 sampai 20, ahli² music dan sa-bagai-nya menghendaki 20 orang lagi dan alat²-nya pula itu dengan segala alat bunyian itu terlampau besar. Jadi belanja kalau hendak mengelilingi negara² tetangga sahaja saperti ka-Bangkok, ka-Manila, ka-Jakarta, ka-Colombo, ia-itu keliling yang dekat sahaja pun terpaksa memakan belanja, kalau tidak salah saya di-beritahu lebeh daripada \$100,000 sedangkan hasil-nya kita tahu tidak sa-banyak mana yang di-dapati, dan lagi wang-nya pula memang-lah jikalau kita minta kapada Perbendaharaan tidak dapat di-luluskan kerana begitu banyak dengan tidak tentu lagi ada-kah dapat balek atau tidak. Jadi perkara ini satu perkara yang susah, walau pun kita setuju sangat perkara bagini, apa yang kita boleh buat ia-lah jikalau pada masa akan datang dapat kita berhubong dengan pehak² perniagaan yang boleh bersama² bertanggung-jawab, yang boleh underwrite perkara² kewangan bagini dan keuntungan² itu dapat di-ator begitu rupa di-mana semua pehak dapat di-bahagi²kan. Jadi walau macham mana pun saya terima kaseh-lah kapada pandangan Ahli Yang Berhormat itu.

Berkenaan dengan menjemput rombongan daripada luar negeri, Kementerian ini tidak sa-chara sendirian pernah menjemput, tetapi sa-chara

tidak langsung melalui Arts Council ada-lah juga menjemput saperti pada tahun lepas rombongan daripada Russia ada datang ka-Kuala Lumpur ini dengan anjoran Arts Council dan dengan Kerjasama pehak Kementerian ini. Yang sa-benar-nya Kementerian ini telah berbelanja juga-lah sadikit sa-banyak untuk memberi bantuan dalam perkara bagini dan saya berharap-lah daripada sa-masa ka-samasa dapat-lah juga kita anjorkan rombongan² yang begitu yang dengan chara begitu dapat satu persefahaman yang lebeh erat antara satu negara dengan satu negara atau antara ra'ayat dengan ra'ayat itu di-adakan.

Ahli Yang Berhormat dari Melaka Utara merasa tujuan untuk kepentingan kebangsaan lambat dapat di-laksanakan oleh Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan ini dengan chara yang ada sekarang ini. Suka-lah saya menyatakan Kementerian ini dengan apa yang ada, tenaga yang ada pada kita, pegawai dan kewangan yang begitu kechil chuba dengan sa-berapa daya-lah hendak menuju ka-matlamat ini, tetapi soal ini soal besar, bukan soal boleh kita mithal-nya masukkan terus dalam jiwa belia itu sa-suatu benda yang kita hendak itu dengan sa-chara paksa. Belia² ini ia-lah manusia. Jadi ini-lah dengan chara didekan, dengan chara masukkan ka-dalam jiwa-nya itu perasaan chinta kapada tanah ayer, perasaan bertanggung-jawab sa-bagai warganegara yang berguna kapada tanah ayer. Jadi kalau hendak lihat dengan sa-kali gus memang-lah susah, tetapi saya perchaya, insha'allah, jikalau dengan chara beransor² itu maka dapat kita bawa mereka itu kapada apa yang kita kehendaki dengan berkat, tekun dan usaha pehak² yang berkenaan.

Ahli Yang Berhormat itu risau dengan sikap sa-paroh² gulongan belia ini tidak begitu bertanggung-jawab, Persatuan² Belia yang ada di-bawah naongan lain² Kementerian, saya agak ia-lah maksud beliau itu saperti Persatuan Peladang dan lain² lagi dan juga dengan ada-nya gerakan² sa-paroh Persatuan Belia, Ahli Yang Berhormat mithalkan di-Melaka kejadian di-mana

ahli² gulongan tertentu chuba, mengikut kata beliau tadi daripada gulongan mahasiswa, atau pun ahli² pelajar chuba menggunakan Kelab Belia itu untuk tujuan tertentu, maka perkara ini kena-lah bersama² kita mengatasi-nya. Saya chuma katakan, Kelab² Belia ini ia-lah kelab² yang terdiri daripada belia yang tahu berfikir sendiri dan chara berfikir atau kadang² tidak dapat-lah kita hendak mengatakan oleh kerana fikir-nya itu bagus, maka semua belia mesti menyatakan itu bagus, atau pun kerana ini baharu tidak bagus, jadi semua Kelab Belia, Ahli Belia mengatakan itu tidak bagus, tentu-lah tidak dapat kita buat begitu. Apa yang dapat kita buat ia-lah satu pandangan kasar ia-itu segala mereka buat itu ia-lah untuk kepentingan negara dan tidak boleh menggunakan Kelab² Belia untuk kepentingan terutama sa-kali tujuan² yang erti-kata sekarang ini bertujuan sabversib. Sa-lagi mereka itu berjalan dalam lapangan begitu pehak kita tidak-lah hendak menekan, tetapi jika-lau kita nampak Kelab² Belia ini ada chuba hendak di-gunakan untuk tujuan² sabversib dan sa-bagai-nya maka pehak Kementerian ini, pehak Kementerian Dalam Negeri dan sa-bagai-nya tentu-lah tidak akan dengan segan² untuk mengambil tindakan. Saya nampak Ahli Yang Berhormat ini sangat mengambil berat saperti Ahli² Yang Berhormat lain pun sama² bekerjasama untuk memberi pandangan kepada Kementerian ini jika-lau berbangkit apa² perkara yang di-fikirkan boleh memberi merbahaya terutama sa-kali dalam lapangan gerakan sabversib itu, jadi segala pandangan yang di-kemukakan itu sangat-lah di-harga² dan kalau boleh sila-lah menghantar terus kepada Menteri atau kepada saya sendiri.

Ahli Yang Berhormat dari Melaka Utara juga bertanya mengapa penari² itu tidak berkasut dan juga Ahli Yang Berhormat dari Jitra-Padang Terap juga membangkitkan soal tarian² tidak berkasut ini di-Jamuan² Negara.

Yang pertama saya hendak menyatakan ini soal pandangan masing². Soal berkasut tidak berkasut ini bagaimana di-rumah juga-lah adat orang kita Melayu ini di-rumah kita tidak berkasut, tetapi sudah adat modern ka-

dang² sa-chara kerusi meja itu pun tidak berkasut juga. Pehak Kementerian memang-lah ada memberi sokongan, atau pun mengshorkan supaya Persatuan² Belia, perkara tarian pergaulan dan sa-bagai-nya itu, jika-lau boleh berkasut dan dalam Pesta Tarian yang di-anjorkan oleh Kementerian ini pun kita buat syarat mesti berkasut. Chuma-nya ada kadang² Persatuan Bersendirian yang maseh lagi memandang barangkali perkara bagini tidak begitu mustahak lagi. Jadi ini-lah satu perkara kita hendak beri perintah supaya mesti berkasut, tidak ada Undang² yang boleh memberi kuasa kapada kita membuat perintah begitu.

Yang kedua pula mithal-nya tarian² dalam Jamuan Negara. Tarian² itu kadang²-nya memang-lah penari² banyak terdiri daripada penari² yang memang di-lateh khas dengan chara² demikian. Yang Teramat Mulia Tunku Perdana Menteri kita sendiri memang chenderong dalam lapangan kebudayaan ini, sa-bagaimana di-ketahui umum beliau pun sentiasa mengawasi atau pun memimpin dengan chara tidak langsung Kumpulan Tarian di-Raja mithal-nya yang biasa-nya menunjukkan tarian di-Jamuan Negara. Boleh jadi tidak berkasut tetapi tentu-lah Yang Teramat Mulia Perdana Menteri kita itu mempunyai satu pandangan yang tertentu. Yang Teramat Mulia Perdana Menteri kita sa-orang yang begitu berpengalaman dan berpandangan jauh, tentu ada satu² perkara yang tertentu membuat dengan chara² yang tertentu. Boleh jadi-lah dalam pandangan kasar kita ini barangkali sebab kita di-pengarohi kadang² oleh chara berfikir yang datang daripada luar, tetapi pandangan daripada keaslian dan sa-bagai-nya itu barangkali di-pandang dengan chara itu lebih asli lagi. Dan soal tidak berkasut ini, saya perhatikan, bukan kita sahaja, ada satu tarian ballet yang datang daripada Amerika di-persembahkan di-Dewan Bahasa dan Pustaka pun, satu orang pun tidak memakai kasut dan kalau kita pergi ka-London, ka-New York, ka-mana² pun saperti Ahli² Yang Berhormat dari Jitra-Padang Terap itu sudah biasa pergi ka-Latin Amerika dan lain² negeri, kalau tidak salah saya, ada juga tarian² itu

yang tidak memakai kasut dengan sebab² yang tertentu. Jadi walau pun saya sedar Ahli Yang Berhormat sangat serious bagaimana kata-nya perkara yang bagini, jadi hendak-lah kita memandang perkara ini dengan sedikit tolerance.

Ahli Yang Berhormat dari Muar Utara pula meminta Kerajaan ini membuat ladang belia anjoran Kerajaan Pusat. Sa-benar-nya sa-bagai Kementerian Pusat tidak dapat-lah kita hendak membuat soal² yang mengenai tanah dengan kerjasama Kerajaan Negeri. Kerajaan Negeri Pahang telah memberi perkara² begitu dan beberapa buah Kerajaan Negeri termasuk Johor ada berchadag hendak membuat perkara² begitu. Apa yang Kementerian boleh buat ia-lah bagaimana Kementerian Tanah dan Galian ia-itu bekerjasama dan menyelaraskan ranchangan² yang begitu hendak dikeluarkan wang daripada Persekutuan tidak dapat-lah. Apa yang kita dapat ia-lah melalui Angkatan Belia Pelupor Kebangsaan kita sahaja.

Ahli Yang Berhormat dari Muar Utara juga meminta supaya semangat perkauman di-hapuskan dalam lapangan sport. Saya rasa lapangan sport boleh di-katakan ini-lah satu lapangan yang jikalau di-bandingkan dengan lapangan lain yang banyak semangat perkauman ini telah di-hapuskan. Masaalah sport saya perhatikan di-mana² juga, jikalau maseh ada itu barangkali kebetulan-lah, ma'alum-lah tidakkan-lah 10 juta manusia kita ini mesti semua sa-kali sama. Tetapi saya rasa lapangan sport-lah, Tuan Pengerusi, ketahuī daripada sa-belum perang dahulu pun di-mana semua ra'ayat kita daripada berbilang bangsa ini mula berchampor. Jadi sebab itu-lah saya rasa barangkali, kalau kita hendak banding dengan lapangan lain hatta parti politik pun, lapangan sport ini soalan perkauman yang mula² sa-kali di-hapuskan dan jarang² sangat sa-kali timbul.

Walau macham mana pun, kadang² tentu-lah saya sedar mithal-nya lapangan badminton, banyak-lah datang dekat saya bertanya kenapa-lah, macham Thomas Cup Team dan lain²

mithal-nya pemain² Melayu sa-orang pun tidak ada. Jadi, itu bukan-lah berti ia-itu pehak Persatuan Badminton ini ada mempunyai semangat perkauman. Persatuan Badminton Malaysia, Pengerusi-nya ia-lah Yang Berhormat Enche' Khir Johari, Menteri Pelajaran, yang saya rasa tentu sangat mengambil berat, kalau boleh pemain² Malaysia itu terdiri dari berbagai² kaum, tetapi oleh keadaan²-nya barangkali, kebetulan pemain² badminton yang handal terdiri dari satu golongan kaum sahaja, itu-lah yang dapat di-kemukakan. Walau macham mana pun saya hargai-lah pandangan Ahli Yang Berhormat dari Kuala Trengganu Utara supaya kita popularisekan permainan badminton ini. Itu sangat saya hargai, tetapi tentang shor beliau supaya pehak Kementerian saya mengadakan court badminton itu tiap² daerah, itu tidak dapat-lah, oleh kerana kewangan tidak ada, yang jikalau hari ini atau pun besok pergi ka-Perbendaharaan ta' tentu-lah dapat tidak-nya oleh kerana beliau ketahuī-lah keadaan kewangan tidak mengizinkan hari ini.

Ahli Yang Berhormat dari Muar Utara hendak supaya pehak Kementerian ini mengadakan Muzium di Negeri Johor. Muzium ini soal concurrent list, jadi tiap² Negeri itu biasanya berdiri dengan tenaga sendiri. Penang sudah dirikan sekarang ini, Melaka sudah dirikan, Kedah sudah diri. Jadi Sarawak pun ada Muzium sendiri. Jadi, Negeri Johor bagaimana kata Yang Berhormat itu satu daripada negeri yang kaya, jadi jikalau-lah negeri mithal-nya Melaka yang kecil, dan Kedah pun tidak begitu banyak soal penghasilan-nya dapat mendirikan, saya perchaya-lah Ahli Yang Berhormat itu boleh menggunakan jasa baik-nya berhubung dengan pehak Kerajaan Negeri Johor. Apa yang Muzium tingkatan kebangsaan boleh buat ia-lah di-dalam kerjasama, jikalau hendak latehan, pegawai² kita boleh pergi ka-sana beri pimpinan dan sa-bagai-nya, itu kita boleh buat.

Ahli Yang Berhormat dari Bukit Bintang minta supaya keutamaan di-jalankan untuk menubuhkan Boys Club. Ini, memang satu chadangan yang

bagus dan saya berterima kasih banyak-lah atas chadangan itu. Boys Club memang sudah ada, tetapi saya bersetuju-lah Boys Club ini di-banyakan lagi dan perkara ini juga berhubung dengan soal kewangan. Walau macham mana pun, saya kena pereksa-lah soal kewangan kita kerana dengan \$190,000 itu memang tidak cukup dengan apa yang di-kehendaki oleh persatuan² yang ada. Shor beliau juga supaya Kementerian ini di-beri wang banyak lagi itu, saya terima kasih banyak²-lah dan ini pun satu lagi sokongan moral yang saya harap dapat menjadi satu desakan pada Kementerian ini apabila mengemukakan permintaan² pada masa yang akan datang.

Ahli Yang Berhormat dari Ulu Kelantan pula bagitu juga meminta banyak wang lagi di-beri kepada Kementerian ini, jadi saya berterima kasih-lah. Yang kedua-nya ranchangan kerja untuk pemuda, ini sudah saya katakan sa-bagaimana saya ucapkan tadi, jadi ta' payah saya ulang balek. Berkenaan dengan beliau juga membayangkan pihak Kementerian ini dalam membuat latehan² beliau tidak ada menghantar jadual kepada Wakil² Ra'ayat. Sa-benar-nya bukan-lah Kementerian ini sahaja, banyak Kementerian² lain pun ada-lah menjalankan kerja ini, biasa-nya kita buat-lah melalui pegawai² atau pun persatuan² yang berkenaan. Tetapi jikalau Ahli Yang Berhormat itu betul² ada kechenderongan, boleh-lah menulis surat dan Kementerian ini tidak keberatan hendak menghantarkan-nya.

Ahli Yang Berhormat dari Ulu Kelantan juga memberi pandangan tidak puas hati akan pemilehan Pegawai² Tingkatan Negeri, Daerah dan Penolong Daerah yang di-ambil sekarang ini, dan kata-nya hanya di-pentingkan dari segi pelajaran tidak dari segi pengalaman. Sa-benar-nya ini barangkali salah faham. Pertama sa-kali Kementerian ini tidak memilih pegawai² itu. Pegawai ini Pegawai Tetap yang di-pilih oleh pihak P.S.C.

Yang kedua pula syarat² untuk menjadi pegawai² ini ada di-sharatkan. Kalau tingkatan daerah hendak-lah sa-kurang² lapan tahun

duduk dalam Division III atau Pegawai Tingkatan Negeri sa-kurang²-nya lapan tahun telah berkhidmat dalam Division II. Ini syarat²-nya dengan di-tentu dan di-tegaskan lagi pula kalau boleh pegawai² tadi mempunyai pengalaman dalam lapangan kebudayaan, belia dan sokan sama ada pernah menjadi Yang di-Pertua, Setia-usaha, Jawatan-kuasa atau pun biasa menjadi organisir² dalam badan² bagini. Jadi, saya di-beritahu chara pemilehan di-atas dua dasar ini-lah, satu mesti tidak kurang berkhidmat lapan tahun dalam Division yang tertentu, yang kedua-nya pula mempunyai pengalaman² dengan surat² yang tertentu daripada persatuan² yang di-pereksa sendiri oleh pihak P.S.C. Jadi, sebab itu saya harap-lah Yang Berhormat itu tidak salah faham dalam lapangan ini, bukan-lah di-ambil pegawai² itu dengan sa-chara yang tidak tentu. Beliau juga ada memberi bayangan pegawai² ini ada pula menubuhkan Persatuan 4B dan sa-bagai-nya. Sa-benar-nya pihak Kementerian ini tidak chuba hendak menyebelahkan diri-nya kepada mana² Persatuan² Beliau yang berchorak kebangsaan chuma pihak pegawai² beliau ini pergi ka-mana² juga yang di-jemput. Jadi, kalau di-situ ada Persatuan 4B yang aktif jemput dia pergi, atau minta tolong memberi pandangan, beri contoh² perlembagaan, mereka itu pergi memberi kerjasama. Bukan-lah pegawai² saya ini dengan sendiri-nya chuba menubuhkan satu persatuan, dan mengeneipkan persatuan yang lain, ini tidak sa-kali² dan jikalau ada berbangkit perkara² bagitu boleh-lah beritahu kepada saya.

Berkenaan dengan tayangan² tarian India di-Talivishen dan lain² saya sudah beritahu tadi, ini soal Jabatan Penerangan, tetapi suka-lah saya hendak tegaskan talivishen atau radio itu ia-lah untuk ra'ayat Malaysia. Dan kita sa-buah Kerajaan liberal, di-samping kita mengemukakan program² Melayu di-dalam talivishen dan radio ada pula program Inggeris, program India dan program bahasa China. Sa-lagi dasar itu kita pakai tentu-lah segala tarian dan lain² itu pun meliputi-lah bahagian² ini. Jadi, ini-lah perkara Ahli Yang Berhormat itu patut sedar.

Sa-lagi itu kita pegang, itu-lah chara-nya. Chuma, jikalau kita boleh buat ia-lah di-samping progre^m yang ada ini dapat mengatasi pula atau mengemukakan pula dengan progre^m yang bersifat kebangsaan seluroh-nya. Inilah yang mustahak-nya kita buat. Bukan soal-nya kita kena kensel atau batalkan progre^m berbagai² kaum yang ada pada hari ini. Jadi, itu-lah kedudukan-nya.

Berkenaan dengan pelupor pula beliau ada berkata membuat lawatan yang kata-nya pakaian tidak begitu chantek dan sa-bagai-nya. Saya hendak beritahu pelupor ini terdiri daripada belia belasan tahun lepasan sekolah rendah yang di-ambil dari kampong² yang ta' ada pekerjaan. Jadi, apabila pergi ka-pelupor itu, biasa-nya belia ini di-berikan pakaian sa-ragam, tetapi waktu berlateh, biasa-nya di-beri chuma pakaian seluar pendek sahaja. Jadi, tentu-lah tidak begitu chantek. Walau macham mana pun, tujuan kita beri pakaian seluar pendek itu ia-lah pakaian pekerjaan. Dan ini memang sesuai dengan belia² begitu. Kalau kita beri pakaian sa-ragam, tiap² hari dia pakai, barangkali tidak terdaya-lah oleh pehak Kerajaan dan tidak sesuai dengan tujuan kita jikalau hendak menjadikan belia itu betul², bukan hendak lawa², tetapi hendak pergi buat kerja. Jadi, walau macham mana pun kebetulan Yang Berhormat ini pergi melawat tidak beritahu saya, jikalau beritahu saya atau jikalau beritahu pehak pegawai Kementerian boleh-lah kita beri penerangan² yang lebih lanjut lagi. Saya di-beritahu oleh Yang Berhormat chuma pergi melawat dua tiga kali berjumpa barangkali warith dan sa-bagai-nya di-sana, ahli² kawasan-nya. Jadi elok-lah kalau boleh beritahu pegawai, bukan kita hendak melarang, atau pun kita tidak mahu tunjukkan pegawai² yang tidak baik, tetapi dengan chara itu boleh-lah kita beri penerangan dan bawa melawat ka-tempat² yang patut. Ada beberapa perkara lagi yang di-bangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat. Saya ringkas-kan chuma satu sahaja saya hendak ulas ucapan Ahli Yang Berhormat dari Kota Bharu Hilir dan Kota Bharu Hulu

Tuan Pengerusi: Masa sudah sampai, tetapi boleh berchakap lagi sedikit.

Engku Muhsein bin Abdul Kadir: Sadikit sahaja, Tuan Pengerusi, dua minit lagi ia-itu berkenaan dengan peruntukan guru agama yang kata-nya chuma \$3,000 sahaja tidak bertambah. Ini, Ahli Yang Berhormat jangan silap faham, sebab daripada ucapan itu sa-olah²-nya kita tidak ambil berat hal agama, bahkan lapangan agama, lapangan moral kapada semua belia kita memang-lah kita sangat ambil berat. Dan ini tidak berubah-nya kerana satu guru agama, bukan itu sahaja, lapangan lain juga seperti instructor dan lain² juga di-sini, saya nampak ada yang tidak berubah. Jadi, tidak-lah saya harap berbangkit silap faham dalam perkara ini, dan juga saya suka hendak menegaskan memang-lah belia² kita itu, kita suka sangat mereka itu dapat di-beri latehan maruah yang bagus, akhlak yang baik dan kalau boleh bersemangat agama. Kita ada satu pegawai di-sana yang menjadi sa-lain daripada guru agama ia juga menjadi pegawai hal ehwal agama dan satu pegawai lagi yang menjaga hal pelajaran mereka. Pelajaran itu di-beri pada waktu malam. Saya suka hendak menyatakan banyak daripada peserta² kita yang datang daripada sekolah² rendah, dudok di-sana sa-lama satu tahun ini di-beri pelajaran malam dan masuk dalam peperiksaan L.C.E. Baharu² ini saya di-beritahu lebih daripada 85% yang masuk peperiksaan L.C.E. itu telah mendapat bahagian "A". Ini satu perkara yang menarek hati, oleh kerana jikalau mereka itu di-kampong lang-song tidak ada peluang² begitu. Ini-lah yang dapat kita berikan sa-chara permulaan di-bandingkan dengan banyak-nya belia² sekarang memang-lah ta' dapat kita hendak memberi puas hati lagi, tetapi ini sa-bagai langkah permulaan yang saya nampak sudah bagus menuju kapada hala yang di-maksud-kan itu.

Masaalah di-kemukakan bagi di-putuskan, dan di-setujukan.

Wang sa-banyak \$3,665,921 untuk Kepala B. 14 dan \$453,147 untuk Kepala B. 15 di-perintah jadi sa-bahagian daripada Jadual.

Majlis Meshuarat bersidang sa-mula.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli² Yang Berhormat, saya suka hendak menyatakan Jawatan-kuasa Rang Undang² Perbekalan, 1968 telah meluluskan Kepala B. 14 dan Kepala B. 15,

Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dan Muzium dalam Jadual Rang Undang² ini. Meshuarat di-tanggohkan hingga pukul 10 pagi esok.

Meshuarat di-tanggohkan pada pukul 6.32 petang.